



MAJLIS MESYUARAT NEGARA

**PENYATA RASMI (HANSARD)
MESYUARAT PERTAMA
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

**HARI SABTU
30 SYAABAN 1446
BERSAMAAN 1 MAC 2025
(HARI KETIGA)**

DEWAN MAJLIS

Hari Sabtu, 30 Syaaban 1446 / 1 Mac 2025

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI):**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B.,

P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail, Pemangku Penolong Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam. (bertugas sebelah pagi)

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam. (bertugas sebelah petang)

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari Ketiga pada hari ini, Sabtu, 30 haribulan Syaaban 1446 Hijrah bersamaan 1 haribulan Mac 2025 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

(Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersidang pada hari ketiga di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Saidina Muhammad Sallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih membahaskan Usul Menjunjung Kasih dan saya sekarang ingin menyambung perbahasan usul ini dengan mempersilakan Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohammad Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Ke-II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima Kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh selamat pagi dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim *(Doa dibaca).*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola terlebih dahulu sukacita merakamkan ucapan terima kasih atas peluang yang diberikan pada kaola untuk berucap ringkas pada menyokong usul Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama iaitu Usul Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap limpah kurnia titah baginda bersempena keberangkatan ke Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Rabu, 27 Syaaban 1446 Hijrah bersamaan 26 Februari 2025 Masihi yang baru berlalu.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut mencerminkan pemikiran proaktif dan wawasan baginda yang jauh ke hadapan dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk terus terjalin. Ia juga mencerminkan komitmen berterusan kerajaan baginda untuk memelihara kemakmuran negara sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Berdasarkan pengamatan kaola terhadap kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan, ada tiga perkara utama yang kaola sukacita ingin ketengahkan di sini. Pertama, titah baginda bahawa Majlis Mesyuarat Negara merupakan wadah percambahan fikiran. Antaranya berasaskan himpunan perkara-perkara berkeutamaan daripada sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja Ahli-Ahli Mesyuarat yang dilantik adalah sangat tepat sekali. Malah majlis ini adalah wadah perbincangan tertinggi di negara ini yang memainkan peranan yang amat signifikan dalam pembangunan dan kemajuan negara.

Ianya berfungsi sebagai platform demokrasi berteraskan Melayu Islam Beraja di mana wakil-wakil rakyat dapat menyuarakan pandangan dan membawa isu-isu penting untuk perhatian kerajaan selaras dengan konsep *syura* dalam Islam dan bersandarkan lunas-lunas Perlembagaan Brunei. Yang lebih penting lagi, majlis ini berperanan sebagai penghubung antara kerajaan dan rakyat di mana melalui perbahasan dalam majlis, aspirasi dan kebimbangan rakyat dapat disampaikan secara langsung kepada pihak penggubal dasar seterusnya memastikan dasar-dasar kerajaan sentiasa relevan dengan keperluan rakyat.

Seterusnya titah baginda bagi kekerapan persidangan Majlis Mesyuarat Negara dipertingkatkan kepada dua kali setahun akan membawa manfaat besar kepada pentadbiran negara. Persidangan yang lebih kerap membolehkan pemantauan berterusan terhadap dasar-dasar kerajaan dan projek pembangunan serta

membuka ruang untuk menangani isu-isu semasa dengan lebih berkesan ia juga mempertingkatkan akauntabiliti dalam sektor awam melalui pelaporan pencapaian yang lebih kerap oleh kementerian dan jabatan-jabatan sekali gus mendorong prestasi yang lebih cemerlang dalam usaha mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Perkara kedua dalam intipati titah baginda ialah berkenaan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar, KDNK yang menunjukkan kemajuan negara, kemajuan ketara dengan putaran purata pertumbuhan sepanjang tempoh tahun 2017 hingga 2023 iaitu sebanyak 4.3% setahun. Ini didorong oleh peningkatan yang luar biasa dalam sektor aliran minyak dan gas. Titah baginda ini juga terus saja mengingatkan kita untuk terus berusaha lebih gigih khas dalam mengurangkan kebergantungan negara kepada hasil minyak dan gas.

Cabaran global semasa seperti ketidaktentuan harga minyak perubahan iklim dan gangguan bekalan sebenarnya menukar wang baharu untuk memperkukuhkan ekonomi. Keadaan ini turut mendorong kita untuk meneroka bidang-bidang baharu, meningkatkan inovasi dan membina daya tahan ekonomi yang lebih mantap ianya juga mendorong kita untuk perlu mengambil pendekatan yang lebih agresif dan mempelbagaikan ekonomi, meningkatkan kecekapan sektor awam dan swasta serta membangunkan modal insan dan yang berkemahiran tinggi ini termasuk memperkasa usaha para mikro kecil dan sederhana menggalakkan

pelaburan orang asing dan memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan produktiviti.

Kita harus peka bahawa dalam usaha serta membangun pembangunan ekonomi, pendekatan *whole of nation* atau senegara adalah sangat relevan kerana setiap pihak saling bergantung dalam menjalankan mana-mana usaha termasuk memperkasa industri yang sedia ada atau menerokai produk industri yang baharu. Pihak kerajaan dan swasta harusnya berkerjasama dan berganding bahu dalam merancang apa jua pembaharuan atau usaha untuk membentasi energi dalam bagi tujuan meningkatkan bagi pertumbuhan dan pembangunan negara dengan adanya dialog yang kerap di antara pihak kerajaan dan swasta dari sebarang permasalahan atau cabaran Insya Allah akan dapat diatasi.

Perkara ketiga yang kaola sukacita ingin ketengahkan, adalah mengenai seruan baginda agar seluruh pihak kerajaan untuk terus melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti senegara merentasi sektor-sektor seperti Pertanian, Pengangkutan, Pendidikan, Kesihatan, Pelancongan, Keselamatan dan Perkhidmatan Awam serta menerokai industri-industri baharu dengan mengambil peluang kepada pusat teknologi ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Titah baginda berkenaan telah menekankan peranan penting sektor awam di negara ini dalam menyokong pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat apa yang pasti ianya hanya terhad kepada pentadbiran

dan pengurusan sahaja malah mencukupi pemberian perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat memastikan keharmonian sosial dan mengalakkan pembangunan ekonomi secara berterusan. Titah baginda juga mengingatkan bahawa dalam dunia yang sentiasa pantas berubah ini cabaran baharu sentiasa muncul memerlukan perubahan dan pembaharuan yang relevan.

Oleh itu, transformasi dalam sektor awam sangatlah penting bagi memastikan ianya terus relevan dan efisien dalam memenuhi keperluan rakyat serta mencapai matlamat agenda pembangunan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, kaola sangat menjunjung tinggi kurnia titah baginda berkenaan yang jelas mengandungi wawasan dan misi yang jauh memberikan pandangan yang mendalam dalam mengenai masa depan khasnya memastikan kehidupan khasnya sektor awam di negara ini. Dengan pandangan luas lagi menyeluruh baginda mengajak kita untuk memperkukuhkan kecekapan membudayakan kreativiti dan mempertingkatkan kerjasama antara semua sektor dalam memastikan sektor awam terus relevan dan efisien dalam menghadapi cabaran di masa hadapan. Titah baginda merupakan nasihat bernilai tinggi memberi peringatan akan pentingnya kita bergerak maju dengan penuh kesedaran sentiasa mencari jalan untuk memperbaiki diri dan memenuhi keperluan rakyat dengan lebih berkesan. Apa yang utama wawasan visi dan

nasihat yang dititahkan baginda semestinya dijadikan pegangan bersama agar kita dapat melangkah lebih jauh merancang tindakan lebih strategik dan mencapai kemajuan yang lebih cemerlang bagi negara kita yang tercinta Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu, kaola dengan sukacitanya mengajak semua Ahli Yang Dilantik untuk bersama-sama berbincang secara terbuka dan syura dengan mengutarakan pandangan serta pendapat isu-isu penting negara termasuk isu-isu global baharu sesuai dengan konteks tempatan. Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengharapkan Persidangan Majlis ini akan menjadi medan untuk berunding dengan berintegriti, berfikiran secara kreatif dan bertindak strategik, memberikan pandangan dan cadangan bernas berasaskan kepada fakta dan data-data yang relevan serta berpandukan pada amalan-amalan yang terbaik untuk memajukan negara bumi bertuah, tanah tumpah darah yang sama-sama kita cintai ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum kaola mengakhiri Usul Menjunjung Kasih kaola sukacita mengambil kesempatan istimewa ini dan mengucapkan selamat menjalankan ibadah puasa fardu Ramadan pada seluruh umat islam semoga dikurniakan kesejahteraan, Kesihatan dan kekuatan dalam beribadah puasa serta mendapat kerahmatan,

keredaan dan keampunaan Allah Subhanahu Wata'ala jua (*Doa dibaca*).

Akhirnya kaola menyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda. Sekian wassalam terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohammad Danial@Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohammad Danial@Tekpin bin Ya'akub:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim.

Dengan rasa syukur sukacita menyokong Usul Menjunjung Kasih titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Negara Brunei Darussalam. Sememangnya dalam titah baginda ini adalah merupakan garis panduan serta peringatan kepada kaola dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian mahupun pihak kerajaan dan swasta serta penduduk Negara Brunei Darussalam di dalam sama-sama menanai dan bersama-sama melaksanakan tanggungjawab masing-

masing ke arah mencapai Wawasan Negara 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kaola menyedari bahawa negara kita tidak lepas daripada menghadapi ekonomi global cabaran ini akan berlaku pada setiap masa ke semasa usaha ke arah memantapkan ekonomi negara adalah sentiasa dilaksanakan dari semua sudut dan perspektif di dalam titah baginda juga menyentuh berkenaan dengan peningkatan KDNK, Keluaran Dalam Negara Kasar tahun 2017 hingga 2023 meningkat secara 4% setahun melalui eksport produk-produk baharu ke negara luar ini menggambarkan usaha mempelbagaikan produk-produk baharu yang mempunyai nilai yang tinggi di pasaran global adalah penting bagi memantapkan ekonomi negara selain minyak dan gas.

Negara Brunei Darussalam juga mempunyai maksud lain yang berpotensi dimajukan seperti produk-produk kaca yang berkualiti dan mahal sinaran ini juga dilihat kepada usaha dan produktiviti yang dihasilkan oleh perniagaan mikro kecil pengusaha produk satu kampung dan satu produk. Pemain industri dalam tempatan di dalam semua sektor perlulah dilihat penting walaupun ianya berjalan secara kecil-kecilan bantuan dalam bentuk kewangan dan bimbingan adalah bentuk utama kearah peningkatan masing-masing ini termasuk penyediaan eko-sistem perniagaan hendaklah sentiasa dikemaskinikan zaman agar para tempatan tidak ketinggalan di pasaran global.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat menyentuh dengan tanggungjawab dan peranan baginda juga akan menyuarakan perundingan secara baik dan telus hendaklah dilakukan bersama dengan agensi-agensi kerajaan agar pelaksanaan tiap projek atau kempen setiap kemajuan dalam mewujudkan secara interaksi rakyat kaola juga menyambut baik Musim Pemesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara diadakan dua kali setahun ini memberikan ruang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan lebih baik dan kondusif.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Syukur ke hadrat Allah di atas limpah dan kurnia, kaola berkesempatan hadir di Dewan yang mulia dan berpeluang untuk Usul Menjunjung Kasih bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan yang Ke-21, Majlis Meysuarat Negara bagi tahun 2025.

Abis kaola menyokong penuh Usul Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam bagi menyembahkan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Ke-21, Majlis Meysuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba/kaola/saya hormati sekalian. Titah baginda sememangnya banyak makna dan penuh pengertian yang mendalam sekali apatah lagi baginda tidak ketinggalan menyentuh berkenaan dengan komitmen Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan. Saranan baginda merupakan pembakar semangat kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sentiasa meningkatkan positif diri di dalam mengemukakan idea-idea yang bernas serta mampu mengembang kepada kemajuan negara. Selain daripada itu, kaola sangat-sangat menyambut baik sebarang perubahan bagi memantapkan Majlis Mesyuarat Negara ini termasuklah penggubalan Kod Etika Kerja Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara. Perubahan ini mencerminkan wawasan baginda dalam meningkatkan kualiti dan integriti Majlis Mesyuarat Negara agar sentiasa relevan dan dihormati atas dasar itu kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei

Darussalam sewajarnya bagi satu mekanisme yang positif ke arah sentiasa bergiat aktif untuk bersama-sama menanai hasrat baginda.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh soalan transformasi produktiviti negara, baginda juga mengharapkan usaha dalam mempelbagaikan ekonomi negara dalam semua sektor agar tidak perlu kebergantungan ke atas produk minyak dan gas dapat diimbangi dengan sebaik-baiknya. Ini termasuklah dalam memperluaskan aktiviti sosial ekonomi dan perniagaan yang sewajarnya hendaklah dipelopori oleh anak-anak tempatan. Seperti yang kita sedia maklum masih banyak perniaga kecil-kecilan yang terajui oleh bukan bumiputera seperti kedai gunting rambut lelaki, perkhidmatan pemotong rumput, kedai jahit dan sebagainya.

Kaola difahamkan pihak kerajaan ada menawarkan kursus-kursus kemahiran kepada belia-belia untuk membantu mereka memulakan peniagaan kecil-kecilan sehubungan dengan ini kaola mencadangkan agar kursus-kursus kemahiran yang sedia ada dapat diperluaskan kepada golongan dewasa, persaraan kerajaan dan swasta dengan ini hanya dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan umur terutama sekali kepada mereka yang berkeinginan untuk memulakan perniagaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah baginda juga menyentuh tentang penggunaan AI

Artificial Intelligent dalam hal ini kaola berpendapat telah tiba masanya AI ini dapat dikembangmajukan penggunaannya di Brunei Darussalam. Ini termasuklah di dalam meningkatkan kualiti pekhidmatan kerja orang ramai seperti Perkhidmatan Pelanggan, *Smart Car Parking* dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penggunaan AI hendaklah juga dipantau dan diseimbangkan agar ia dianggap mesra pengguna serta dinikmati oleh orang ramai dengan sebaik-baiknya. Akhirnya kaola memohon Usul Menjunjung Kasih titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*). Selawat serta salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, ahli keluarga, sahabat-sahabat baginda yang taat serta jujur hingga ke akhir zaman dalam mempertahankan keagungan Islam, (*Doa dibaca*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di sini di dalam Dewan Yang Mulia ini kaola juga sukacita

menyokong Usul Menjunjung Kasih yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Kaola menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Ke-21, Majlis Meysuarat Negara bagi tahun 2025.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, sikap keprihatinan baginda di dalam memeduli hal ehwal kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah sangat-sangat dijunjung tinggi apabila baginda bertitah memperkenalkan agar caj perkhidmatan yang sedia ada baginda penduduk yang tidak mempunyai taraf penduduk *stateless* untuk kesihatan sepertimana yang diberikan kepada warganegara Brunei Darussalam yang perlu kita syukuri selaku rakyat di bawah kepimpinan seorang raja yang berjiwa rakyat, berwawasan dan bijaksana.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Selain daripada itu baginda juga menyentuh dari usaha kerajaan untuk mengerakkan lebih banyak lagi aktiviti perniagaan dan pelancongan ke Negara Brunei Darussalam yang memberi kesan secara langsung kepada *spinning-off* kepada peniagaan tempatan. Dalam hal ini kaola mengharapkan agar impak positif ini juga turut diraih oleh Daerah Temburong dengan slogan Permata Hijau.

Sektor Pelancongan hendaklah dipacu melalui program-program khusus aktiviti pelancongan yang lebih menarik dan baharu. Ini termasuklah menaik taraf tempat-tempat lawatan dari segi nilai komersial pelancongan yang berdaya maju dan *sustainable*. Selain daripada itu usaha ke arah meramaikan Daerah Temburong dari penganjuran aktiviti-aktiviti sosial, sukan dan perniagaan sama ada di peringkat nasional atau serantau adalah dilihat penting bagi mengerakkan kemajuan dan pembangunan di Daerah Temburong.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Selain daripada itu, baginda turut bertitah berkenaan dengan kerjasama inovasi dan semangat juang semua pihak perlu mencapai Wawasan Negara 2035. Sehubungan dengan ini kaola berharap sebarang cadangan dan idea yang disuarakan di Dewan Yang Mulia ini oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat diteliti dan di ambil perhatian dengan sewajarnya.

Kaola dan Ahli-Ahli Yang Berhormat lain sentiasa bersedia untuk duduk semeja dan berunding demi mendapatkan hasil yang baik ke arah kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Kaola menyambut baik dan menjunjung kasih di atas perkenan baginda bagi perubahan terhadap kekerapan Persidangan Majlis kepada dua kali setahun termasuklah pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja menurut Majlis Mesyuarat *Standing Orders* agar dipraktikkan sepenuhnya. Ini memberikan lagi ruang perbahasan sebagai *check and balance*

kepada sebarang kemajuan yang dilaksanakan.

Akhirnya, sekali lagi kaola menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara. Semoga apa-apa jua perbincangan dan perbahasan di dalam permesyuaratan ini nanti akan berjalan dengan sempurna dan teratur.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
Wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita ketahui, kita telah pun membahaskan Usul bagi Majlis Mesyuarat Negara menyebarkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berkenan berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Rabu, 27 Syaaban 1446 bersamaan dengan 26 Februari 2025. Saya kira ada baiknya sekarang Usul ini kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya kita meluluskan Usul ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka Usul ini diluluskan.

(Tukul diketuk)

Alhamdulillah, bagi membolehkan kita untuk meneruskan Urusan Mesyuarat dengan teratur dan teliti, maka saya kira cukuplah kita bersidang pada pagi ini. Insya Allah, kita akan bersidang semula pada petang ini nanti mulai daripada jam 2.30.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi
wata'ala wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang
Berhormat, Alhamdulillah, Persidangan
Majlis Mesyuarat Negara pada pagi tadi
telah pun meluluskan Usul Menjunjung
Kasih. Sekarang, kita beralih kepada
perkara seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Rang Undang-
Undang yang akan dicadangkan oleh
Yang Berhormat Dato Seri Setia
Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin
Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana
Menteri dan Menteri Kewangan dan
Ekonomi II.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan
Perdana Menteri dan Menteri
Kewangan dan Ekonomi II:**

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh. Yang Berhormat Yang
Di-Pertua, dengan segala hormatnya
kaola membawakan dan membaca bagi
bacaan kali pertama satu Rang Undang-
Undang yang bergelar: "Suatu Akta
untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari
Kumpulan Wang yang Disatukan bagi
Perkhidmatan Tahun Kewangan
2025/2026 dan untuk memperuntukkan
wang yang tersebut itu bagi maksud-
maksud tertentu".

Terima kasih Yang Berhormat Yang
Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-
Undang yang telah dibacakan buat
pertama kalinya oleh Yang Berhormat
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan
Menteri Kewangan dan Ekonomi II.
Sekarang, saya memberikan izin bagi
Rang Undang-Undang ini untuk dibaca
bagi kali kedua dan bagi Yang Berhormat
itu membuat kenyataan Belanjawan.
Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan
Perdana Menteri dan Menteri
Kewangan dan Ekonomi II:**

Terima
kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Rang
Undang-Undang yang bergelar: "Suatu
Akta untuk Membekalkan Sejumlah
Wang dari Kumpulan Wang yang
Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun
Kewangan 2025/2026 dan untuk
memperuntukkan wang yang tersebut itu
bagi maksud-maksud tertentu".
Sekarang, kaola bacakan bagi kali kedua
dan seterusnya kenyataan Belanjawan.

Bismillahir Rahmanir Rahim, (*Doa
dibaca*). Assalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, kita panjatkan syukur
ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala
kerana dengan izin dan limpah rahmat-
Nya jua serta berkat kepimpinan,
kebijaksanaan dan keprihatinan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita dapat bersidang di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Bagi Tahun Kewangan 2025/2026, Belanjawan Negara akan disediakan sebanyak BND6,350,000,000 secara keseluruhan yang akan dikeluarkan dari Kumpulan Wang yang Disatukan.

Seterusnya, kaola cadangkan untuk membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahunan bagi Tahun Kewangan 2025/2026 untuk memperuntukkannya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

Belanjawan ini bukan hanyalah sekadar rancangan tahunan, ianya adalah langkah strategik yang berterusan ke arah mencapai Matlamat Wawasan Brunei 2035 dan satu komitmen bersama untuk memastikan kemakmuran dan kedayatahan negara yang berterusan.

Sebagai permulaan, kaola ingin memohon izin untuk terlebih dahulu mengongsikan beberapa inisiatif, projek dan pencapaian serta peluang-peluang yang disediakan oleh Kerajaan bagi rakyat dan penduduk di negara ini ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, tahun 2025 menandakan hanya tinggal 10 tahun sahaja lagi untuk kita mencapai

aspirasi besar negara, Wawasan Brunei 2035. Alhamdulillah, pelbagai projek dan inisiatif telah dilaksanakan dan menghasilkan pencapaian membanggakan dan menjadi asas kukuh untuk kita bergerak ke hadapan.

Antara kejayaan utama dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 ialah di bawah Matlamat I. Alhamdulillah, pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam termasuk Pendidikan Agama terus menunjukkan tren peningkatan. Usaha memperkukuh literasi dan numerasi jua diperkasakan melalui pelbagai inisiatif termasuk pelaksanaan *standard* kebangsaan dan program sokongan akademik yang lebih berstruktur.

Dalam prestasi Institusi Pendidikan Tinggi, kita jua melihat perkembangan yang menggalakkan dalam pengiktirafan institusi di peringkat global yang mencerminkan usaha berterusan dalam memastikan kualiti akademik bertaraf dunia. Antaranya, Universiti Brunei Darussalam, UBD telah mencapai kedudukan ke-142 dalam *ranking global* daripada 749 universiti yang disenaraikan berdasarkan *Times Higher Education Interdisciplinary Science Ranking 2025* dengan memperolehi pencapaian di kalangan Asia Tenggara.

UBD School of Business and Economics pula telah menerima akreditasi berprestij *Association in Advance Collegiate Schools of Business* menjadikan sebahagian daripada kumpulan elit sekolah perniagaan yang memenuhi piawaian kecemerlangan global.

Dalam masa yang sama, Universiti Teknologi Brunei, UTB telah mengukuhkan kedudukannya sebagai salah sebuah institusi terkemuka dalam pendidikan tinggi yang mencerminkan komitmennya terhadap kecermelangan akademik dan inovasi di peringkat Asia Tenggara yang kompetitif.

UTB telah memasuki peringkat *global* dalam *Times Higher Education World University Rankings 2025* dimana UTB berjaya menduduki kedudukan antara 801 hingga 1000 terbaik di dunia dan menduduki tangga 23 teratas di ASEAN manakala di *World University Rankings 2025 by Subjects*, UTB berjaya menduduki kedudukan antara 601 hingga 800 terbaik di dunia bagi jurusan kejuruteraan. Pencapaian ini adalah melalui strategi-strategi inovatif yang diperkenalkan oleh UTB terutamanya dengan penubuhan Pejabat UTB *Global*.

UNISSA juga telah berjaya meningkatkan kedudukannya dalam *World University Rankings for Innovation* dengan meraih kedudukan ke 221 secara keseluruhannya. Pengiktirafan antarabangsa ini akan mengukuhkan peranan UNISSA sebagai peneraju dalam menyediakan kurikulum dan penyelidikan Islam berkualiti tinggi di peringkat nasional dan *global*.

Di samping itu, kedudukan negara dalam *Program for International Student Assessment, PISA* iaitu sebuah penilaian antarabangsa yang mengukur keupayaan pelajar-pelajar yang berumur 15 tahun dalam bacaan, sains dan matematik pada tahun 2022 telah

meningkat bagi ketiga-tiga *domain* berbanding pencapaian pada tahun 2018. Kadar pencapaian dalam literasi dan numerasi berdasarkan *student learning survey* juga menunjukkan peningkatan yang membanggakan di mana literasi penuntut-penuntut Tahun 1 dan Tahun 3 pada tahun 2023 masing-masing telah mencapai 95% dan 98% manakala pencapaian numerasi pada tahun 2023 bagi penuntut-penuntut Tahun 1 dan Tahun 3 masing-masing telah mencapai 83% dan 75%.

Dalam usaha mencapai matlamat kedua iaitu kualiti kehidupan yang tinggi, beberapa pencapaian telah mencerminkan bahawa rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam dapat menikmati taraf hidup yang sangat baik, ini termasuk akses kepada perkhidmatan kesihatan dan kebajikan yang berkualiti tinggi, sistem pendidikan bertaraf antarabangsa dan inklusif serta *accessibility* kepada infrastruktur asas yang mencerminkan kesejahteraan dan kestabilan ekonomi negara.

Menurut laporan Indeks Pembangunan Manusia, HDI 2023-2024 yang dikeluarkan oleh *United Nations Development Program, UNDP* Negara Brunei Darussalam telah berada di kedudukan 55 daripada 193 negara dengan skor 0.823% dalam kategori negara yang mempunyai *very high human development*. Pencapaian ini masih menunjukkan bahawa negara berada dalam kumpulan negara yang menawarkan tahap kualiti hidup yang sangat baik. Salah satu pencapaian yang bersejarah dalam landskap penjagaan

kesihatan negara adalah kejayaan Pusat Perubatan Jerudong Park atau *JPMC* dalam prosedur pemindahan hati *liver transplant* pertama di negara ini pada 1 haribulan Februari 2025. Kepakaran, ketetapan, dan dedikasi yang ditunjukkan oleh pasukan yang terlibat mencerminkan piawaian penjagaan yang tinggi dan kejayaan berkenaan membuka jalan untuk kemajuan masa depan dalam pemindahan organ di dalam negara yang akhirnya akan menyelamatkan lebih banyak nyawa.

Dalam aspek menyediakan kemudahan perumahan yang selamat, berkualiti dan mampu dimiliki melalui Skim Perumahan Negara, kadar pemilikan rumah terus mencatatkan peningkatan yang positif. Pada tahun 2023 kadar pemilikan rumah meningkat kepada 67.1%. Kerajaan akan terus meningkatkan lagi komitmen dalam menyediakan akses kepada perumahan yang mampu dimiliki, berkualiti dan selesa bagi rakyat dan penduduk selaras dengan matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat serta memastikan kestabilan dan kualiti hidup yang lebih baik.

Selain daripada itu, Negara Brunei Darussalam juga terus memberi penekanan kepada kualiti hidup, kebajikan dan kesejahteraan rakyat yang mana liputan bekalan elektrik dan air di Negara Brunei Darussalam telah mencapai 99.9% manakala lebih daripada 90% penduduk negara mempunyai akses kepada internet.

Di bawah matlamat ketiga iaitu ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan pula,

kerajaan telah berusaha melaksanakan beberapa langkah strategik selaras dengan *Brunei Darussalam Economic Blueprint* yang telah dilancarkan pada tahun 2021. Antaranya melalui menarik pelaburan langsung asing yang berkualiti, meningkatkan aktiviti perdagangan, dan mengukuhkan pasaran tenaga kerja.

Perkembangan ekonomi adalah satu fokus utama yang perlu sentiasa diberikan perhatian oleh semua pihak. Ianya bukan sahaja untuk mempelbagaikan sektor-sektor ekonomi negara tetapi juga memainkan peranan khusus dalam mendukung usaha-usaha lain seperti dalam memperkasakan pemindahan pengetahuan, meningkatkan kualiti pendidikan, menggalakkan inovasi dan penggunaan teknologi dan lain-lain sekali gus memperkukuhkan sosioekonomi negara.

Sejak beberapa tahun lalu, kita telah nampak perkembangan yang menggalakkan dalam usaha kita memajukan ekonomi negara dan usaha ini akan terus dilipat gandakan lagi dengan pendekatan *Whole-Of-Government* dan *Whole-Of-Nation*. Alhamdulillah, dengan kepimpinan bijaksana, berwawasan serta berwibawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sepanjang beberapa tahun ini dan ianya sudah mula membuahkan hasil yang menggalakkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, seterusnya izinkan kaola mengongsikan

beberapa indikator-indikator makroekonomi yang mencerminkan kedudukan ekonomi negara yang menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sukacita kaola mengongsikan bahawa pertubuhan ekonomi negara bagi tahun 2024 yang baru dimuktamadkan telah mencatatkan KDNK sebanyak 4.2%, Kaola ingin jua memaklumkan bahawa pertumbuhan KDNK ini adalah satu pencapaian yang signifikan yang mana kadar ini adalah pertumbuhan yang tertinggi sejak tahun 1999. Walau bagaimanapun, kita tidak harus merasa *complacent* atau berpuas hati dengan perkembangan ini.

Sebaliknya, kita mesti terus berusaha dan meningkatkan komitmen untuk terus mempelbagaikan lagi sektor-sektor ekonomi negara yang lebih mampan. Kepelbagaian ekonomi akan mewujudkan lebih banyak aktiviti yang akan memberikan impak yang positif kepadaimbangan perdagangan negara. Pada Tahun 2024 negara telah mencatatkan lebihan perdagangan ataupun *trade surplus* sebanyak \$ 4.9 Billion iaitu peningkatan sebanyak 18.1% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Seterusnya dari segi eksport pula buat kali pertama pada tahun 2021, nilai eksport produk-produk dari sektor bukan minyak dan gas telah meningkat dan melebihi nilai eksport produk-produk dari sektor minyak dan gas. Ini adalah perkembangan yang signifikan memandangkan eksport sektor bukan

minyak dan gas hanya ditahap kurang dari 10% pada Tahun 2017.

Dari aspek sumbangan KDNK sektor bukan minyak dan gas telah meningkat dari sekitar 40% pada Tahun 2017 kepada lebih 50% sejak Tahun 2022. Peningkatan sumbangan dari sektor bukan minyak dan gas ini di dorong oleh lima sektor keutamaan negara iaitu: Pertama, sektor hiliran minyak dan gas; Kedua, sektor makanan; Ketiga, sektor perkhidmatan; Keempat, sektor pelancongan dan Kelima, sektor *ICT*.

Sepanjang Tahun 2017 hingga Tahun 2024, sumbangan sektor-sektor ini telah meningkat sebanyak 8.4%. mengenai dengan pasaran tenaga kerja kadar pengangguran bagi tenaga kerja yang berumur 15 tahun dan ke atas. Alhamdulillah pada Tahun 2024, ianya telah mencatatkan kadar yang terendah sejak Tahun 1991 iaitu 4.8%. laporan awal kajian tenaga kerja 2024 telah menunjukkan beberapa dapatan yang positif yang ingin kaola kongsi di Dewan yang mulia ini:

Pertama, jumlah pekerja di bawah sektor swasta telah meningkatkan sebanyak 4% pada Tahun 2024 berbanding dengan tahun sebelumnya;

Kedua, kajian tersebut juga menunjukkan bahawa 70% tenaga kerja keseluruhannya adalah bekerja di sektor swasta dibandingkan dengan kajian yang sama pada Tahun 2014 menunjukkan hanya 53% tenaga kerja dalam sektor swasta;

Ketiga, peningkatan ini adalah didorong oleh pertumbuhan dalam kategori pekerja. Ini adalah selaras dengan dapatan dari kajian suku tahun perniagaan Tahun 2024 yang telah menunjukkan peningkatan ketara dalam pekerjaan merentasi pelbagai aktiviti perniagaan terutamanya dalam sektor-sektor perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan makanan, pembuatan *petrochemical*, teknologi maklumat dan komunikasi dan sektor perkhidmatan profesional, teknikal, pentadbiran dan perkhidmatan sokongan;

Keempat, kategori bekerja sendiri juga turut mencatatkan peningkatan didorong oleh perkembangan aktiviti keusahawaan serta peralihan trend ekonomi ke arah *Economic GIC* yang dipacu oleh platform digital. Perkembangan-perkembangan ini menunjukkan satu trend positif pada pasaran tenaga kerja yang menggambarkan anak-anak tempatan telah menyahut cabaran dan tidak lagi bergantung kepada sektor kerajaan dan menjadikan sektor swasta sebagai pilihan pekerjaan mereka. Oleh yang demikian pihak kerajaan akan terus bekerjasama dengan semua pihak berkenaan termasuk sektor swasta dalam usaha bersepadu untuk menghasilkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat dan penduduk di negara ini.

Dari segi kadar inflasi negara pula, Alhamdulillah pada Tahun 2024, inflasi negara telah mencatatkan penurunan 0.4% berbanding dengan Tahun 2023 didorong oleh penurunan index bukan makanan sebanyak 0.6%, berikutan penurunan harga terutamanya pakaian dan kasut, perhubungan dan pengangkutan. Manakala index makanan dan minuman ringan menunjukkan

peningkatan sebanyak 0.5% terutamanya harga minuman ringan, telur, kek, pastri dan biskut.

Walau bagaimanapun beberapa barangan asasi seperti ayam, ikan import dan minyak masak mencatatkan penurunan harga secara keseluruhan pada Tahun 2024 berbanding dengan tahun sebelumnya.

Kerajaan akan terus memainkan peranan penting dalam mengurangkan beban kos sara hidup melalui subsidi bagi keperluan asasi seperti beras, bahan api, elektrik dan air. Tanpa subsidi ini rakyat akan lebih terkesan oleh inflasi sebagaimana yang dialami di kebanyakan negeri lain. Bagi memastikan ketulusan harga dan memudahkan rakyat membuat perbandingan harga barangan asasi Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik terus memantau harga barangan keperluan secara mingguan dan menerbitkan laporan harga pasaran melalui aplikasi pengguna bijak. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran pengguna tetapi juga menggalakkan persaingan sihat dalam pasaran. Kesemua langkah ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat bukan hanya melalui kawalan inflasi tetapi juga melalui dasar yang menjamin keperluan asasi dapat diperolehi dengan harga yang berpatutan.

Dalam masa yang sama sebagai usaha untuk mencapai matlamat ketiga di bawah Wawasan Brunei 2035

kerjasama strategik bersama dengan pelabur asing yang berwibawa memainkan peranan penting dalam memperkasa sektor-sektor utama untuk menggalakkan pemindahan teknologi, meningkatkan daya saing tempatan dan membuka peluang pekerjaan baharu bagi pembangunan 31 Januari 2025 sebanyak 26 syarikat pelaburan langsung asing ataupun *FDI* sedang beroperasi di Negara Brunei Darussalam, selain itu sebanyak 15 projek *FDI* masih dalam fasa pelaksanaan dan di jangka beroperasi di antara Tahun 2025 hingga 2027. Sebahagian besar daripada pelaburan tersebut tertumpu dalam sektor hiliran minyak dan gas diikuti oleh sektor makanan dan sektor perkhidmatan perniagaan.

Insyallah, dengan pelaburan langsung asing secara berterusan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan di jangka akan terus meningkat. Alhamdulillah dengan pencapaian yang kaola kongsiikan sebentar tadi, kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak sama ada dari sektor awam mahupun sektor swasta di atas usaha dan komitmen yang diberikan dalam merealisasikan matlamat-matlamat ini. Walau bagaimanapun kita belum dapat berpuas hati dan berasa selesa dengan pencapaian-pencapaian ini. Kita tidak boleh lalai dan leka bahkan seharusnya perlu melipat gandakan lagi usaha dengan serta merta dan dengan *sense of urgency* untuk merealisasikan sepenuhnya aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhun Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 kali pertama bagi tahun 2023 di mana baginda bertitah,

"...kita tidak mahu Wawasan Brunei 2035 hanya tinggal retorik sahaja, sebagai satu angan-angan kosong, tetapi kita mahu ia mesti direalisasikan sepenuhnya sebagai agenda utama pembangunan negara..."

Ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 dan tahun - tahun berikutnya, kita sebagai negara yang kecil dan terbuka setentunya akan menghadapi pelbagai cabaran seperti kemajuan dan transformasi teknologi maklumat yang pesat, peningkatan ancaman siber, isu-isu berkaitan dengan perubahan iklim dan pencemaran alam sekitar serta perubahan sosial dan demografi yang ketara.

Dalam masa yang sama, kita juga perlu mempertimbangkan impak yang mungkin terjadi daripada ketidakstabilan geopolitik, perkembangan pembangunan kemahiran dan pendidikan, cabaran berkaitan dengan kesihatan dan faktor-faktor yang lain di luar kawalan kita.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhun Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah semasa mesyuarat majlis yang sama bahawaketidaktentuan tersebut sudah setentunya memaksa kita untuk berfikir lebih fokus kepada pemeriksaan dasar dan kemampuan.

Perlu diingat, pembentukan asal Wawasan Brunei berlaku dalam satu masa yang berbeza dari masa sekarang. Oleh itu, untuk melihatnya sentiasa relevan dan unggul maka kita perlu memastikan apa yang dirancang akan tetap kekal sebagai sasaran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seterusnya kaola akan menerangkan mengenai dengan Penyediaan Rang Anggaran Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026 ini, berdasarkan kepada analisis dan penilaian yang telah dibuat ke atas prospek ekonomi global dan Negara Brunei Darussalam, keutamaan perbelanjaan kerajaan serta kemampuan kewangan kerajaan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam dunia yang semakin saling terhubung, ekonomi Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada kesan perubahan global terutamanya dalam sektor perdagangan dan pelaburan. Laporan *World Economic Outlook* yang diterbitkan oleh *International Monetary Fund*, IMF keluaran Januari 2025, memberikan gambaran tentang unjuran *economy global* yang dijangka berkembang secara

positif pada kadar 3.3% bagi tahun 2025 dan 2026. Unjuran ini masih di bawah kadar pro rata 3.7% bagi tempoh di antara tahun 2000 sehingga tahun 2019.

Bagi Negara Brunei Darussalam, kadar pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2025 dijangka meningkat di antara sebanyak 2.4% hingga 3.4%. Unjuran institusi kewangan antarabangsa seperti *International Monetary Fund*, *IMF*, *Asean+3 Macroeconomic Research Office*, *AMRO* dan *Asian Development Bank*, *ADB* juga telah menunjukkan keyakinan terhadap prospek ekonomi negara iaitu masing-masing mengunjurkan pertumbuhan yang positif pada kadar 2.5%, 2.1% dan 2.8%.

Unjuran ini mengambil kira usaha-usaha pemulihan dan kepelbagaian ekonomi yang dilaksanakan khususnya pengeluaran produk industri hiliran minyak dan gas, serta aktiviti-aktiviti berkaitan dari Syarikat *Hengyi Industries Sendirian Berhad*, *Brunei Methanol Company Sendirian Berhad* dan Syarikat *Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad*.

Namun sebagai negara yang kecil dan terbuka risiko ketidakstabilan geopolitik yang giat meningkat berpotensi menyebabkan gangguan dalam pasaran tenaga global serta rantai bekalan. Selain itu negara juga akan turut terkesan daripada situasi ekonomi rakan-rakan dagang utama yang akan memberi kesan langsung kepada perdagangan dan pelaburan negara. Inflasi global

dijangka terus menurun daripada 5.8% pada tahun 2024 kepada 4.3% pada tahun 2025.

Walau bagaimanapun, beberapa cabaran masih wujud termasuk kos pembiayaan yang tinggi, ketidaktentuan geopolitik dan fragmentasi perdagangan. Negara tidak terkecuali daripada terkesan kerana hampir 7% barangan negara adalah diimport. Kebergantungan tinggi kepada import khususnya makanan menjadikan negara mudah terjejas oleh gangguan rantai bekalan, kenaikan harga bahan api, cuaca dan dasar perdagangan negara pengekspor.

Oleh itu kita perlu memperluaskan sumber import dan meningkatkan pengeluaran tempatan bagi memastikan kestabilan harga dan bekalan.

IMF juga menjangkakan perdagangan global berkembang sebanyak 3.2% pada tahun 2025 di sebalik peningkatan fragmentasi ekonomi. Kesan daripada peningkatan perlindungan, perdagangan dan peralihan kepada perdagangan *intra-block* boleh mengurangkan kecekapan perdagangan global. Meningkatkan kos dan menjejaskan daya tahan rantai bekalan khususnya bagi sektor pembuatan dan tenaga.

Dalam masa yang sama kebergantungan negara kepada eksport minyak dan gas menjadikan pendapatan kerajaan terdedah kepada ketidaktentuan harga minyak. Oleh itu dalam keadaan perdagangan global yang sederhana permintaan terhadap produk eksport

negara juga boleh terjejas. Usaha memperkukuh kepelbagaian ekonomi mesti terus dipercepatkan. Kita mesti memastikan bahawa produk eksport di luar sektor minyak dan gas akan dapat lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa demi mencapai pertumbuhan mampan.

Ekonomi global ini melalui perubahan pesat dipacu oleh kemajuan teknologi, peralihan lanskap tenaga dan keperluan mendesak untuk memberi keutamaan kepada kelestarian alam sekitar *environmental sustainability*.

Ke arah itu, kita juga perlu mengambil tindakan yang bersesuaian agar negara ini tidak ketinggalan dan kekal berdaya saing di samping bersedia menghadapi risiko-risiko realiti iklim baharu dan kemajuan teknologi seperti *Artificial Intelligence* dan *cybersecurity*.

Oleh itu belanjawan tahunan akan perlu disediakan dengan lebih bijak dengan mengambil kira perubahan-perubahan berkenaan seperti penyediaan *green infrastructure* dan memasukkan elemen-elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus atau *environment social and governance*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola mengongsikan kedudukan fiskal kerajaan setelah penutupan akaun Tahun Kewangan 2023/2024 yang mana kerajaan telah mencatatkan kutipan hasil pendapatan sebanyak BND3.69 bilion iaitu penurunan sebanyak 41.8%

berbanding dengan BND6.35 bilion pada Tahun Kewangan 2022/2023.

Ini adalah mengambil kira penurunan daripada hasil Sektor Minyak dan Gas iaitu sejumlah BND2.73 bilion. Dari segi perbelanjaan pula, kerajaan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 0.4% kepada BND6.11 bilion berbanding dengan BND6.08 bilion pada Tahun Kewangan 2022/2023.

Berikutan ini, pada Tahun Kewangan 2023/2024, kerajaan telah merekodkan defisit belanjawan sejumlah BND2.42 bilion berbanding lebihan belanjawan ataupun *budget surplus* sebanyak BND260.46 juta pada Tahun Kewangan 2022/2023.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya sukacita kaola mengongsikan bahawa dengan berasaskan unjuran-unjuran serta hala tuju ekonomi dunia pada masa ini, dengan mengambil kira tahap pengeluaran minyak dan gas negara, anggaran hasil kerajaan bagi Tahun Kewangan 2025/2026 adalah diunjurkan berjumlah BND3.26 bilion, yang mana BND2.45 bilion atau 75% adalah hasil daripada Sektor Minyak dan Gas, dan BND802.24 juta atau 25% adalah hasil dari sektor bukan minyak dan gas. Pecahan hasil-hasil tersebut adalah antaranya:-

Pertama, kutipan hasil cukai-cukai yang keseluruhannya berjumlah BND224.17 juta termasuk BND197 juta dari cukai pendapatan syarikat-syarikat

dan cukai setem, BND14.1 juta daripada lesen kenderaan di bawah Jabatan Pengangkutan Darat, BND8 juta dari cukai-cukai di bawah Lembaga-Lembaga Bandaran dan BND5 juta dari cukai tanah;

Kedua, sebanyak BND103.7 juta dari kutipan duti import dan eksais di bawah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja;

Ketiga, hasil dari yuran dan caj yang keseluruhannya berjumlah BND236.1 juta antaranya dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang dianggarkan berjumlah BND168 juta, dari Kementerian Kesihatan yang dianggarkan berjumlah BND14.7 juta iaitu daripada yuran dan caj perkhidmatan hospital dan dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang anggarakan berjumlah BND10 juta bagi perkhidmatan-perkhidmatan imigresen;

Keempat, hasil daripada pendapatan sewa dan komersial dari jualan barang dan perkhidmatan yang keseluruhannya berjumlah BND99.4 juta termasuk dari Jabatan Kemajuan Perumahan yang dianggarkan berjumlah BND60.2 juta dan dari Jabatan Kerja Raya yang dianggarkan berjumlah BND26.2 juta; dan

Kelima, seterusnya, hasil daripada pendapatan kewangan yang keseluruhannya berjumlah BND102.2 juta iaitu sebanyak BND61.73 juta daripada pulangan pelaburan dan simpanan dan sebanyak BND40.49 juta

daripada hasil yang berlebihan dari badan-badan berkanun.

Bagi Tahun Kewangan 2025/2026, belanjawan negara dicadangkan sebanyak BND6.3 bilion secara keseluruhan. Oleh itu, berdasarkan kepada anggaran hasil dan perbelanjaan yang kaola nyatakan tadi, maka kerajaan dijangka akan mengalami defisit belanjawan berjumlah kira-kira BND3.1 bilion.

Unjuran defisit ini, akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada tahap pengeluaran minyak dan gas negara, harga minyak dunia, kadar pertukaran mata wang Dolar Amerika Syarikat, hasil pendapatan dari sektor bukan minyak dan gas, dan perbelanjaan sebenar kerajaan.

Dalam menghadapi cabaran fiskal, kerajaan akan terus merangka strategi yang lebih berkesan dalam memastikan perbelanjaan pelabur dalam pelaburan yang dibuat benar-benar memberi pulangan yang mampan dan berdaya tahan kepada negara dalam jangka masa panjang.

Oleh itu, belanjawan ini harus dilihat sebagai peta jalan strategik yang memberi keutamaan kepada pelaburan bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk serta perkembangan industri yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Belanjawan ini mengimbangkan keperluan jangka masa pendek dengan

matlamat jangka masa panjang. Lebih penting lagi, ia mencerminkan komitmen kita kepada hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang kukuh, bersatu dan berpandangan jauh seperti yang digariskan di bawah Wawasan Brunei 2035.

Selain daripada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau GLC juga memainkan peranan penting dalam menyokong keutamaan belanjawan negara terutamanya dalam memperkukuh sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang melibatkan GLC serta kerjasama dengan pelaburan-pelaburan langsung asing atau FDI bagi merangsangkan kegiatan ekonomi dan meningkatkan daya saing negara. Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja menggalakkan aktiviti ekonomi dan pembangunan infrastruktur tetapi jua menunjukkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Oleh itu, sektor awam dan sektor swasta mestilah terus berganding bahu dalam memperluaskan kepelbagaian ekonomi, memperkukuh pelaksanaan projek melalui *public-private partnership* serta menarik lebih banyak pelaburan langsung asing.

Langkah-langkah ini amat penting bagi mengurangkan kebergantungan

kepada kerajaan dan memperkukuh keberdayatahan fiskal negara serta menjamin kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan untuk generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan beralih kepada Tema Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026. Tema Belanjawan pada Tahun Kewangan 2023/2024 dan 2024/2025 iaitu "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" atau "*Building A Prosperous Future Together*" adalah dikekalkan lagi untuk kali terakhirnya bagi Tahun Kewangan 2025/2026.

Ini adalah untuk memastikan kesinambungan dan pendekatan yang konsisten serta bersepadu dalam pelaksanaan dasar-dasar dan matlamat-matlamat perbelanjaan. Ianya jua dikekalkan untuk meneruskan projek dan inisiatif yang telah dirancang atau sedang dilaksanakan ke arah mencapai sasaran strategik bagi merealisasikan matlamat-matlamat di bawah Wawasan Brunei 2035.

Tema Belanjawan ini memfokuskan kepada tiga keutamaan seperti berikut:-

Pertama, Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam;

Kedua, Memupuk Kepelbagaian Ekonomi Yang Mampan; dan

Ketiga, Pembangunan Modal Insan yang Dinamik dan Berwawasan.

Tema ini berperanan sebagai panduan strategik untuk memastikan penggunaan sumber negara secara optima dengan memberi penekanan kepada pembangunan yang mampan dan inklusif bagi membina ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan dan seterusnya memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk terus terpelihara.

Ini termasuk meningkatkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif dan projek-projek yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi, mempelbagaikan sektor ekonomi dan meningkatkan persekitaran perniagaan untuk menarik pelaburan berkualiti termasuk daripada Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan ataupun *GLC*. Usaha-usaha ini penting bagi mewujudkan pekerjaan berkualiti untuk rakyat tempatan, terutamanya dalam sektor swasta.

Oleh itu, kerajaan jua akan terus komited dengan menyediakan infastruktur yang berkualiti tinggi dan mudah diakses bagi memudahkan aktiviti ekonomi disamping menumpukan kepada pendidikan inklusif. Ini bertujuan untuk melahirkan individu yang berkemahiran, *employable*, dan bersedia untuk masa depan selaras dengan keperluan industri, sekaligus menyumbang kepada produktiviti negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan, kaola akan menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan satu persatu termasuk perkembangan dan pencapaiannya.

Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam.

Fokus pertama ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat senantiasa terpelihara. Ianya adalah berlandaskan visi untuk membentuk masyarakat yang lebih sihat, berilmu dan produktif, agar setiap individu dapat memainkan peranan penting dalam membangun negara yang *stable*, makmur dan berdaya saing.

Dengan memastikan rakyat memiliki akses kepada kemudahan asas berkualiti, tenaga yang cekap dan peluang yang luas untuk berkembang, kita bukan sahaja melabur dalam kesejahteraan hari ini, tetapi juga menjamin masa depan yang lebih makmur bagi generasi sekarang dan generasi yang akan datang. Kesejahteraan rakyat tidak hanya bergantung kepada ekonomi yang kukuh tetapi jua kepada infastruktur yang berkualiti tinggi. Oleh itu, Kerajaan terus memberi keutamaan kepada pembangunan *infastructure* asas termasuk jalan raya, tenaga, air bersih dan kemudahan awam agar setiap lapisan masyarakat dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan produktif.

Beberapa peruntukan jua disediakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara, RKN yang mana projek-projek pembangunan ini bukan sahaja memenuhi keperluan harian rakyat, tetapi jua menjadi pemacu kepada pertumbuhan sosioekonomi negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Insyallah peruntukan mengenai Projek-Projek di bawah RKN ini akan kaola kongsikan semasa Pembentangan Kertas Cadangan Peruntukan Wang Kemajuan 2025/2026 semasa kaola bentangkan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan nanti.

Dalam usaha menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat, keperluan tenaga yang *stable*, cekap dan mesra alam, menjadi teras utama. Sehubungan itu, kerajaan melalui pelbagai langkah strategik terus komited untuk memperkukuhkan infastruktur tenaga demi memastikan kebolehpercayaan bekalan elektrik yang konsisten serta mendukung pembangunan masa depan. Untuk memenuhi keperluan tenaga elektrik yang semakin meningkat, *Berakas Power Company Sdn Bhd* akan membina sebuah 120-megawatt, *Combined Cycle Gas Turbine, CCGT Power Plant* dengan pembinaan dijangka bermula pada Suku Kedua Tahun 2025 dan mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2027.

Projek ini bertujuan untuk memastikan kebolehpercayaan bekalan elektrik dan mengekalkan *reserve margine* yang mencukupi untuk memenuhi keperluan tenaga jangka masa panjang. Dengan penggunaan teknologi *turbine* yang lebih cekap dan mesra alam, projek ini juga menyumbang kepada penjimatan pengguna penggunaan gas serta menyokong matlamat pembangunan lestari negara. Kos keseluruhan

pelaburan projek ini adalah sebanyak \$419.4 juta.

Selain ini, kerajaan terus menyediakan peruntukan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang yang berjumlah \$153 juta secara keseluruhan iaitu termasuk bagi memastikan bekalan elektrik yang *stable* dan mencukupi ke seluruh kawasan termasuk memastikan stesen-stesen janakuasa senantiasa beroperasi pada tahap *reliable* dan mengukuhkan sistem rangkaian pembahagian elektrik ke seluruh negara.

Bagi memperkukuhkan akses rakyat kepada sumber air bersih dan memastikan *infrastructure* bekalan air terus dipelihara dan bagi meningkatkan keselamatan jalan raya dan *accessibility* yang mana pelbagai projek pemeliharaan jalan raya akan terus dilaksanakan termasuk menaiktaraf laluan strategik di seluruh negara. Usaha ini adalah untuk memastikan pergerakan yang lebih lancar sekali gus menyokong aktiviti ekonomi dan sosio.

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi atapun *ICT*, satu Sistem Pendaftaran Haji Dalam Talian di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji telahpun dilancarkan yang dikenali sebagai Bruhaj. Sistem ini membolehkan rakyat dan penduduk yang berhasrat untuk menunaikan ibadah haji membuat pendaftaran secara dalam talian, yang sebelum ini dilakukan secara manual.

Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti dan menjimatkan masa, tetapi juga membawa kemudahan yang lebih besar kepada masyarakat khususnya bakal jemaah haji dengan memastikan pendaftaran yang cepat, sistematik dan lebih mesra pengguna.

Seiring dengan kemajuan teknologi, kaola ingin mengongsikan mengenai dengan *Unified Smart Metering System USMS*, di mana setakat Disember 2024, sebanyak 122,877 *smart meter* telah dipasang.

Melalui sistem tersebut, pengguna boleh memantau penggunaan elektrik dan air masing-masing secara *near real-time*, serta menerima notifikasi *SMS* untuk kredit rendah, yang mana pembelian kredit boleh dilaksanakan melalui pelbagai alternatif pembayaran dan urusan pembayaran bil tertunggak dapat dibuat secara automatik.

Sejak penggabungan infrastruktur rangkaian telekomunikasi pada tahun 2019, *Syarikat Unified National Network Sendirian Berhad, UNN* telah melaksanakan kerja-kerja peningkatan dan penambahbaikan terhadap infrastruktur untuk rangkaian *fixed access* kepada perkhidmatan *fibre* di seluruh negara di mana hasil daripada ini kadar penupusan *broadband fibre* negara telah meningkat daripada 51% pada bulan Januari 2020 kepada 110% pada bulan November 2024.

Pada tahun 2024, sejumlah 16 tapak baru di kawasan-kawasan pendalaman

di Daerah Belait, Tutong, dan Temburong telah dilengkapi dengan infrastruktur *Mobile Single Radio Access Network, SRAN*.

Ini akan diikuti dengan pemasangan infrastruktur *fibre* dan *mobile* di tiga tapak baharu lagi di Ulu Tutong. Pemasangan liputan *mobile* dengan penggunaan sistem tenaga *solar hybrid* telah siap dilaksanakan di kawasan-kawasan seperti Kukub, Biadong Ulu, Sukang dan Melilas pada bulan Mac 2024 yang lalu.

Hasil penaiktarafan dan peningkatan infrastruktur rangkaian *SRAN* bagi perkhidmatan *mobile* sejak tahun 2020-pula negara telahpun melancarkan perkhidmatan rangkaian 5G pada tahun 2023 sebanding dengan beberapa negara *ASEAN* yang lain.

Perkhidmatan rangkaian 5G adalah teknologi yang mempunyai *latency* rendah ataupun *low latency* yang boleh menawarkan kurang daripada 10 mini saat *latency*.

Kerajaan akan terus memberikan keutamaan kepada inisiatif-inisiatif ke arah pelan tranformasi *digital* bagi meningkatkan kecekapan prestasi dan produktiviti perkhidmatan awam untuk memastikan rakyat menerima perkhidmatan berkualiti tinggi, mudah diakses dan responsif yang memenuhi keperluan.

Ke arah itu, kerajaan akan menyediakan peruntukan sejumlah BND146.45 juta

secara keseluruhan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang kementerian-kementerian bagi membiyai *IT Central Procurement* dan lesen-lesen perisian ataupun *software* bagi semua kementerian dan jabatan kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, keutamaan jua akan terus diberikan untuk mengukuhkan lagi sistem Kesihatan negara bagi meningkatkan lagi keupayaannya untuk bertindak balas secara berkesan dan lebih responsif terhadap apa jua keperluan kesihatan dan sebarang perubahan atau cabaran-cabaran paradigma kesihatan pada masa ini dan masa hadapan.

Usaha ini termasuk memastikan semua peralatan perubatan yang diperlukan, peralatan *diagnostic*, stok ubat-ubatan dan sumber tenaga manusia adalah pada tahap memuaskan dan mencukupi. Berbagai faktor termasuk kenaikan harga rumah perubatan dan ubat-ubatan, inovasi teknologi perubatan, serta cabaran-cabaran seperti pandemik wabak penyakit akan terus menguji kedayatahan sistem kesihatan negara. Ini termasuklah dengan *ageing population* yang memerlukan penjagaan kesihatan yang semakin kompleks.

Dalam hal ini, kerajaan sentiasa menekankan kepentingan penjagaan dan pencegahan awal serta mengutamakan gaya hidup sihat yang dapat membantu mengurangkan penyakit-penyakit kronik dan seterusnya mengurangkan tekanan kepada sistem penjagaan kesihatan kita.

Sebagai langkah untuk memperkukuhkan daya tahan dan keberkesanan sistem kesihatan kerajaan akan terus memanfaatkan teknologi *digital* bagi memperluaskan akses kepada perkhidmatan dan meningkatkan pengalaman pengguna.

Sebagai salah satu inisiatif ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan penjagaan kesihatan, kerajaan telah memperkenalkan *BruHealth 5.0*. Aplikasi ini dilengkapi dengan ciri-ciri baharu seperti penambahan saringan kesihatan di bawah program pemeriksaan kesihatan kebangsaan kebangsaan bagi pencegahan dan pengesanan penyakit secara awal. Indeks kesihatan bagi setiap individu dan pemantauan kesihatan melalui rutin harian.

Pada masa yang sama, langkah-langkah strategik terus turut dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Salah satunya adalah melalui integrasi strategik antara *Jerudong Park Medical Centre, JPMC* dan Pusat Pakar Pantai Jerudong, *PJSC* pada 1 Januari 2025.

Integrasi ini bertujuan mewujudkan visi yang bersatu dalam landskap penjagaan kesihatan negara, meningkatkan kecekapan dan mendukung usaha untuk menjadikan negara sebagai destinasi pelancong perubatan.

Selain daripada itu, integrasi ini dirancang untuk menjadikan *JPMC* sebuah hab pengetahuan ataupun

knowledge hub bagi melatih doktor dan profesion kesihatan yang lain sekaligus meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan dalam negara.

Untuk memenuhi keperluan jururawat negara, *JPMC College of Health Sciences, JCHS* telah ditubuhkan dengan kerjasama *Far Eastern University* dari Republik Filipina. Setakat ini kolej ini mempunyai 3 pengambilan dalam program *Foundation in Science* dengan jumlah pelajar seramai 301 orang dan 2 pengambilan dalam program *Bachelor Science in Nursing* dengan jumlah pelajar sebanyak 207 orang.

Di samping itu, kolej tersebut juga disasarkan untuk menjadi sebuah pusat bagi pelajar kejururawatan tempatan dan juga antarabangsa. Dalam memastikan rakyat terus menerima rawatan kesihatan yang berkualiti, saksama, komprehensif dan mudah diakses, kerajaan terus meningkatkan komitmen dalam memperkukuhkan sistem penjagaan kesihatan negara selaras dengan keperluan rawatan semakin berkembang serta kemajuan teknologi perubatan.

Ini bukan sahaja dalam aspek kesihatan tetapi juga bagi pencegahan, penyelidikan dan menyediakan infrastruktur perubatan yang lebih moden. Ianya jua bertujuan untuk menangani cabaran kesihatan yang semakin kompleks termasuk peningkatan penyakit tidak berjangkit, penjagaan kesihatan warga emas serta

kesiapsiagaan terhadap wabak dan *crisis* kesihatan global.

Ke arah itu, kerajaan akan menyediakan peruntukan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak BND 425.2 juta bagi Tahun Kewangan 2025/2026 kepada sektor kesihatan antaranya termasuk pemeliharaan sistem *BruHealth* dan Bru-HIMS untuk memastikan sistem *digital* ini terus beroperasi dengan baik bagi menyokong pengurusan kesihatan negara.

Pengambilan tenaga kerja profesional seperti jururawat secara kontrak, teknisyen makmal dan pembantu penjaga pesakit *patient care assistants* serta penyediaan bekalan makanan dan minuman di hospital-hospital seluruh negara untuk memastikan penyediaan perkhidmatan kesihatan berkualiti termasuk perkhidmatan sokongan klinikal.

Pembelian ubat-ubatan, peralatan perubatan guna habis dan keperluan ujian makmal, perkhidmatan rawatan pesakit kritikal termasuk rawatan sakit jantung di *Gleneagles JPMC*, rawatan kanser di Pusat Kanser Brunei serta rawatan rehabilitasi *stroke* dan neurologi di Brunei *Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre* dan bagi menangani isu kesihatan masyarakat yang kritikal termasuk pengurusan wabak penyakit berjangkit, program penjagaan dan penyelidikan untuk meningkatkan kesiapsagaan negara terhadap ancaman kesihatan masa hadapan.

Walaupun kerajaan terus berusaha meningkatkan akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan yang hampir percuma, tanggungjawab untuk menjaga kesihatan tidak hanya terletak pada sistem perubatan tetapi pada juga setiap rakyat dan penduduk di negara ini.

Oleh itu, setiap individu adalah digalakkan untuk mengamalkan gaya hidup sihat, menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala serta mengambil langkah pencegahan untuk mengurangkan risiko penyakit.

Sebagai sebuah negara yang memiliki sistem perlindungan kesihatan sejagat atau *Universal Health Coverage* yang menawarkan sistem penjagaan kesihatan yang bertaraf tinggi, rakyat juga memainkan peranan untuk memanfaatkan kemudahan yang disediakan secara bertanggungjawab, mengelakkan pembaziran sumber perubatan dan menghargai pengorbanan barisan hadapan kesihatan. Dengan komitmen bersama ini insya Allah Negara Brunei Darussalam akan terus berkembang akan menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang sihat, produktif dan sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam mempromosikan pertumbuhan ekonomi hijau, Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom melalui *UK - Brunei Strategic Dialogue: Brunei Green Economy Framework* telah melancarkan Laporan *Brunei Green Economy* bagi merangka pelan ke hala tuju kemampanan dan membimbing strategi

dalam mempelbagaikan ekonomi negara. Ini adalah salah satu inisiatif negara dalam mencapai hasrat *Net Zero Emissions* menjelang tahun 2050.

Laporan ini bukan sahaja bukan bertujuan untuk mengongsikan kepentingan kedayatahan dalam menuju ke arah ekonomi hijau, malah ianya telah mengenal pasti peluang dan aktiviti-aktiviti perniagaan yang boleh diterokai oleh sektor-sektor swasta di negara ini.

Pada masa yang sama, laporan ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan untuk menambahbaikkan dasar dan inisiatif-inisiatif bagi menangani cabaran yang akan dihadapi seperti perubahan iklim dan kelestarian ekonomi.

Di bawah sektor pendidikan pula, Kementerian Pendidikan sedang giat mengubah sebuah pelan pendidikan yang mendukung kepada kelestarian alam sekitar. Ianya akan mengandungi beberapa inisiatif strategik termasuk pembangunan *infrastructure* sekolah mampan, program pendidikan bagi meningkatkan kesedaran mengenai alam sekitar, penyelidikan ke arah inovasi yang mampan dan sebagainya.

Usaha ini bukan sahaja secara langsung akan dapat melahirkan modal insan yang berkemahiran dalam pembangunan sektor hijau di negara ini tetapi juga mengukuhkan komitmen negara terhadap kelestarian yang seterusnya berpotensi untuk menarik lebih banyak

pelabur asing dalam bidang yang berkaitan.

Sebagai usaha negara untuk memperkukuhkan lagi pembangunan kelestarian dan inovasi hijau, Universiti Teknologi Brunei telah menubuhkan Pusat Teknologi Hijau dan Penyelidikan Lestari atau *Centre of Green Technology and Sustainable Research* untuk menerajui inisiatif hijau dan penyelidikan berkaitan dengan teknologi yang mampan di negara ini.

Dari aspek menangani keadaan cuaca yang tidak menentu pula seperti banjir, Projek Mitigasi terus menjadi keutamaan dan usaha untuk meningkatkan sistem saliran dan membina *infrastructure* kawalan banjir. Langkah-langkah adalah untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan-kawasan terjejas, seterusnya meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di negara ini. Ke arah itu, peruntukan sejumlah BND25 juta akan disediakan untuk pengurusan menangani bencana alam bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan bekerjasama dalam menangani kejadian seperti banjir, tanah susur dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sektor pertanian, perikanan dan penternakan terus menjadi tonggak penting dalam usaha kita membangunkan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan. Dengan kerjasama strategik antarabangsa, inisiatif tempatan yang *innovative* dan pelaburan dalam teknologi *modern*, sektor ini bukan sahaja akan menjamin

keselamatan makanan tetapi juga menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi dan peningkatan daya saing negara di peringkat serantau dan *global*.

Kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan sektor ini menjadi penyumbang utama dalam menjamin keselamatan makanan negara dengan memberi tumpuan kepada meningkatkan produktiviti dan pengeluaran domestik sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada *import*.

Langkah ini juga merupakan pendekatan proaktif untuk menangani berbagai cabaran luaran termasuk perubahan iklim, bencana alam, *geopolitic* dan inflasi. Salah satu contoh utama dalam memperkukuhkan *security* makanan negara ialah pembangunan kemajuan kawasan pertanian Kandol. Infrastruktur seluas 174-hectare ladang padi dan 58-hectare takungan air telah siap sepenuhnya pada November 2023.

Sasaran pengeluaran dari kawasan ini dalam tempoh 5 tahun adalah sebanyak 2,088 *metric ton* setahun dengan pro rata hasil 6 *metric ton* setiap *hectare*. Pada Tahun Kewangan 2024/2025, PaddyCo Sdn. Bhd., sebuah syarikat *GLC* telah menanam 74 *hectare*, manakala baki kawasan tanah sedang disediakan bagi penanaman penuh pada Tahun Kewangan 2025/2026.

Hasil keluaran secara kumulatif dari 9 musim penanaman telah mencapai sejumlah 288 *metric ton* padi sebagai

langkah *innovative* percubaan penggunaan baja organik dan *compost* telah menunjukkan peningkatan hasil lebih 1 *metric ton* setiap hektar berbanding musim sebelumnya. Walaupun kawasan ini merupakan tanah baharu, inisiatif ini mencerminkan komitmen PaddyCo Sdn. Bhd. untuk meningkatkan produktiviti.

Selain itu, kerajaan melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kini mengendalikan sebanyak 72 kawasan kemajuan pertanian untuk menyokong keperluan perniagaan dalam sektor ini.

Setakat Disember 2024 sebanyak 37% atau 26 Kawasan Kemajuan Pertanian atau pun KKP telah lengkap dengan *infrastructure* yang diperlukan bagi menyokong aktiviti-aktiviti pertanian secara lebih efektif.

Pembangunan ini mencerminkan usaha berterusan kerajaan dalam menyediakan kemudahan moden dan bersesuaian untuk menyokong peningkatan produktiviti dan daya saing sektor pertanian dalam memperkukuhkan kerjasama antarabangsa, Kerajaan baru-baru ini menandatangani Memorandum Persefahaman ataupun *MOU* dengan Kementerian Pertanian dan Hal Ehwal Luar Bandar, Republik Rakyat Cina.

MOU ini memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan dalam sektor padi, tanaman dan ternakan serta potensi Pertubuhan Pusat Penyelidikan

Beras Kebangsaan ataupun *National Rice Research Centre*. Kerjasama ini juga akan memperkenalkan benih padi hibrid hasil tinggi dan memperkasa kepakaran teknikal untuk mengukuhkan rantai nilai beras negara.

Untuk meningkatkan *efficiency* pengeluaran beras, *Wasan Miling Company Sdn Bhd*, sebuah lagi syarikat *GLC* telah mengambil alih operasi pengisaran padi pada bulan Ogos 2022 yang lalu. Syarikat ini sedang menarik taraf fasiliti pengisaran padi termasuk pembinaan fasiliti pengeringan padi ataupun *vertical dryer* dan penyimpanan padi *silo* yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2025 ini. Kapasiti pengisaran akan meningkat dari 3 metrik tan sejam kepada 10 metrik tan sejam. Sebagai tambahan, *Wasan Miling Companies* bercadang untuk mengimport bahan mentah seperti beras belum dikisar untuk diproses dan dijual di pasaran tempatan sebagai langkah untuk memaksimumkan penggunaan fasiliti pengisaran tersebut dan meningkatkan tahap sara diri beras negara.

Untuk menyokong sektor pertanian dan perikanan, beberapa peruntukan akan disediakan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang antaranya, bagi pembelian benih-benih padi hibrid di bawah skim pembelian semula padi untuk penjualan kepada peladang-peladang padi bagi meningkatkan lagi pengeluaran beras negara.

Dan projek-projek seperti pembinaan dan kerja melabuh takat-takat tiruan dan lawa-lawa bagi mendukung usaha meningkatkan hasil pengeluaran di bawah sektor perikanan. Dalam usaha memperkukuhkan keselamatan makanan dan meningkatkan penggantian import bagi sumber makanan negara, kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei ataupun *BEDB* sedang menarik minat syarikat-syarikat pelaburan langsung asing untuk menubuhkan perniagaan mereka dalam sektor makanan di negara ini.

Langkah ini bukan saja untuk meningkatkan kapasiti penghasilan dan pengeksportan makanan tempatan tetapi juga akan dapat menyumbang kepada penjaan peluang pekerjaan yang bermakna.

Sebagai contoh dalam usaha untuk menghasilkan *breedstock* di dalam negara, pihak *BEDB* sedang berbincang dengan beberapa syarikat antarabangsa bagi menubuhkan fasiliti *Poultry Parent Stock* bagi pengeluaran ayam pedaging dan ayam penelur untuk memastikan sumber bekalan ayam tempatan yang mencukupi.

Selain itu, dalam sektor makanan laut perbincangan bersama satu syarikat *FDI* sedang dijalankan untuk menubuhkan sebuah Pusat Akuakultur bersepadu yang akan memperkukuhkan keseluruhan rantai nilai industri akuakultur daripada pengendalian *breedstock*, penetasan dan pembesaran dan juga penyelidikan dan perkembangan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keutamaan belanjawan kedua adalah untuk memupuk kepelbagaian ekonomi yang mampan. Kerajaan akan terus memfokuskan kepada usaha menyokong kemajuan ekonomi dan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam membentuk ekonomi negara yang berdaya tahan.

Usaha ini melibatkan peningkatan produktiviti melalui kerjasama dengan perniagaan tempatan dan *GLC* termasuk penyediaan skim inisiatif, program latihan, ekosistem perniagaan, kemudahan prasarana serta tapak perniagaan untuk membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana ataupun *PMKS*.

BEDB terus memainkan peranan penting dalam membantu menggalakkan bidang keusahawanan dan memperkukuh ekosistem perniagaan khususnya bagi *PMKS* di negara ini. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan adalah penganugerahan *Proudly Brunei Business Awards* yang memberikan pengiktirafan terhadap pencapaian dan kecemerlangan prestasi perniagaan syarikat-syarikat tempatan yang terpilih dalam pelbagai sektor.

Dan *Brunei Start up Summit* yang berfungsi sebagai platform untuk menghubungkan usahawan tempatan dengan pakar industri, pelabur dan pemimpin perniagaan serantau. Program ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing syarikat pemula ataupun *startups* melalui perkongsian pengalaman,

rangkaian perniagaan serta bimbingan daripada pakar dalam bidang inovasi dan teknologi.

Selain itu, ianya jua menyokong sasaran kerajaan dalam memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dengan menekankan kepentingan keusahawanan digital dan memanfaatkan teknologi dalam perniagaan *PMKS*.

Bekerjasama dengan pihak perbankan dalam menganjurkan *Empowerment Series Workshop* yang bertujuan untuk membimbing *PMKS* dalam meningkatkan kedayatahan perniagaan mereka. Bengkel ini, antaranya memberi penekanan kepada pengurusan kewangan dan strategi pemasaran digital.

Selain itu, *BEDB* juga telah memperkenalkan beberapa inisiatif dalam mengurangkan jurang di antara sektor kerajaan dan swasta serta memahami cabaran perniagaan yang dihadapi oleh komuniti perniagaan tempatan.

Ini termasuk mengadakan *BEDB Engagement Series* iaitu usahasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dalam memberigakan proses-proses serta perkhidmatan berkaitan perniagaan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan.

Mengadakan *Roundtable Dialogue with Belait Business Community* pada 12 Disember 2024 yang lalu yang

melibatkan 26 wakil dari sektor swasta. Sesi ini adalah untuk memudah cara dialog di antara agensi-agensi kerajaan dengan komuniti perniagaan bagi mengukuhkan kerjasama serta memupuk kolaborasi dengan tujuan untuk pemulihan dan meningkatkan aktiviti perekonomian setempat.

Insyallah *BEDB* akan mengadakan *micro small and medium enterprise* atau *MSME Roundtable Series* pada suku pertama tahun 2025 inibertujuan untuk mewujudkan ekosistem yang lebih pro-perniagaan dengan memupuk pertukaran pendapat yang produktif, menangani isu-isu perniagaan dan komersial melalui pendekatan inovatif serta menyokong dasar-dasar mesra perniagaan yang akan merangsang pertumbuhan dan kedayatahanan sektor *PMKS* tempatan.

Pada menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 pada hari Rabu, 26 Februari 2025, iaitu bagi menggalakkan lebih banyak lagi aktiviti perekonomian dan pelancongan di negara ini yang dapat mendatangkan kesan limpahan positif kepada peniaga-peniaga tempatan.

Kerajaan terus berusaha menarik pelaburan berkualiti tinggi yang dapat menjana pertumbuhan mampan dan peluang pekerjaan kepada rakyat. Dalam hal ini, *BEDB* dan *Tipolis Private Limited*,

sebuah syarikat dari Singapura telah menandatangani satu perjanjian bagi menjalankan kajian kebolehlaksanaan terhadap pembangunan *special economic zone* di negara ini. Inisiatif ini bertepatan dengan komitmen negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelaburan yang berdaya saing dengan memanfaatkan inovasi dan teknologi serta modal pembangunan ekonomi moden yang dapat menyumbang kepada kemakmuran negara bagi jangka masa panjang.

Sebagai salah satu usaha mempelbagaikan ekonomi negara dan mengurangkan kebergantungan kepada industri minyak dan gas, syarikat-syarikat pemprosesan dan perkilangan makanan di bawah kumpulan Syarikat Darussalam Asset seperti *Royal Brunei Culinary Sdn Bhd*, *RBC*, *PDS Abattoir Sdn Bhd*, *PDS* dan *Ghanim International Corporation Sdn Bhd* telah berjaya memperluaskan pasaran mereka ke luar negara.

Alhamdulillah, beberapa pencapaian utama telah berjaya diraih iaitu hasil kerjasama erat dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, *Darussalam Enterprise* dan *Darussalam Food Authority*, antaranya pada bulan Mac 2024, Syarikat Ghanim telah berjaya menyempurnakan penghantaran kontena eksport pertamanya ke Sabah, Malaysia yang mengandungi *Brunei Shrimp Crackers* yang dihasilkan di *Brunei Food Industry*

Development Multipurpose Processing Facility.

Pada Disember 2024, PDS telah melaksanakan penghantaran eksport pertamanya ke Singapura setelah memperoleh akreditasi daripada agensi makanan Singapura, membolehkan eksport produk daging proses ke pasaran Singapura. Selain itu, beberapa produk seperti pati daging lembu, sosej, *cornbeef*, kek batik dan keropok udang kini dieksport ke Sabah, Malaysia dan Singapura.

Inisiatif ini bukan sahaja membuka peluang baharu bagi produk tempatan untuk menembusi pasaran antarabangsa tetapi juga menyumbang kepada pengukuhan sektor pemprosesan makanan sebagai salah satu penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara bagi memastikan pertumbuhan industri pemprosesan makanan terus berkembang.

Sokongan berterusan dalam bentuk infrastruktur, insentif dan akses kepada pasaran baharu adalah penting. Langkah ini sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 untuk menjadikan negara sebagai ekonomi yang lebih mampan, berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Sebagai contoh, penubuhan *Brunei Rotary Engineering Sdn Bhd* iaitu hasil kerjasama antara *Strategic Development Capital Fund*, *SDC* dan *Rotary Engineering Pte Ltd* dari Singapura,

mencerminkan komitmen kerajaan untuk memanfaatkan pelaburan langsung asing yang strategik.

Inisiatif ini bertujuan untuk membangunkan Negara Brunei Darussalam sebagai hab kejuruteraan yang unggul di rantau ini. Dengan menawarkan perkhidmatan kejuruteraan dan penyelenggaraan yang canggih kepada syarikat tempatan dan serantau.

Melalui perpindahan pengetahuan dan teknologi termasuk latihan khas di dalam dan luar negara, usaha ini akan memastikan tenaga kerja tempatan dilengkapi dengan kemahiran untuk bersaing di pasaran global.

Di samping itu, inisiatif ini dijangka merangsang inovasi teknologi meningkatkan kecekapan operasi dan membuka peluang baharu untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Seiring dengan pertumbuhan pelaburan asing, projek-projek utama dalam sektor hiliran minyak dan gas terus berkembang termasuk pelaburan berimpak tinggi seperti dilaksanakan oleh Syarikat Hengyi telah menilai semula kajian kebolehlaksanaan fasa 2 bagi mengoptimalkan skop projek, meningkatkan prestasi kewangan dan memenuhi permintaan pasaran.

Berdasarkan penelitian ini, fasa 2 ini meliputi perancangan untuk meningkatkan lagi kapasiti pemprosesan loji dari 8 juta metrik tan kepada 12 juta metrik tan setahun. Berjanji usaha

sama di antara pihak kerajaan melalui SDC bersama pelabur asing *Liva Chemie Pte Ltd* telah ditandatangani pada penghujung bulan Julai 2024 bagi penubuhan sebuah syarikat yang baharu iaitu *Polygel Intermediate Sdn Bhd*.

Syarikat ini akan mengendalikan projek asid asetik dan anilin di Tapak Perindustrian Sungai Liang, SPARK dan akan menambah nilai terhadap bahan-bahan mentah tempatan yang sedia ada daripada Syarikat *Brunei Fertilizer Industries*, *Brunei Methanol Company* dan juga *Hengyi Industries Sdn Bhd*.

Kilang ini dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2027 dan ia akan memperluaskan lagi peluang untuk pengeluaran produk-produk tambahan yang lain di negara ini. Syarikat *Brunei Fertilizer Industries* telah mula mengeluarkan produk baja urea pada awal tahun 2022. Setakat 31 Disember 2024, jumlah eksport baja urea telah pun melebihi 2.4 juta metrik tan dengan nilai anggaran lebih daripada USD1 bilion dan dijual ke pasaran negara-negara di rantau Asia Tenggara, Asia Timur, Australia, Afrika Timur dan Amerika Selatan.

Peluasan *Sungai Liang Industrial Park*, SPARK bagi memperkasakan kecekapan logistik dan operasi untuk penyewa yang sedia ada dan baharu untuk meningkatkan daya tarikan SPARK sebagai destinasi pelaburan langsung asing yang bernilai tinggi.

Selain itu, perbincangan terus diadakan bersama syarikat-syarikat dari beberapa rantau bagi menarik lebih banyak pelaburan untuk meningkatkan aktiviti ekonomi yang bernilai tinggi seperti aktiviti-aktiviti *Petroleum Intermediate Derivatives*.

Kerajaan juga memberi keutamaan kepada usaha-usaha untuk mengembangkan sektor-sektor seperti pelancongan dan perdagangan antarabangsa yang boleh merangsang perniagaan tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan secara langsung kesejahteraan ekonomi keseluruhan masyarakat dan penduduk demi mendukung hasrat mempelbagaikan ekonomi dan seterusnya memperkukuhkan lagi sektor bukan minyak dan gas.

Kerajaan juga kekal komited untuk mempromosikan sektor pelancongan sebagai salah satu pemacu utama dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035. Sektor ini terus memperkukuhkan daya saingnya melalui pelbagai inisiatif yang menyokong pembangunan mampan serta memperkukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi pelancongan serantau.

Alhamdulillah, baru-baru ini Negara Brunei Darussalam meraih pengiktirafan yang membanggakan dalam anugerah *ASEAN Tourism Standard 2025* yang diadakan pada 20 Januari 2025 bersempena Forum Pelancongan ASEAN 2025 di Johor, Malaysia.

Pencapaian ini termasuk pengiktirafan kepada *The Empire Brunei* dan *True Living SPA and Studio* atas perkhidmatan cemerlang mereka dalam sektor pelancongan kesihatan dan kesejahteraan.

Selain itu, *Sumbiling Eco Village* di Daerah Temburong menerima anugerah atas dedikasi mereka dalam mempromosikan pelancongan mampan dan berbudaya yang memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Di samping itu, sebagai salah satu asas ekonomi digital, satu *flagship project* di bawah *Digital Economy Masterplan 2025* telah diperkenalkan iaitu penubuhan *National Digital Payment Network Sdn. Bhd., NDPX*. NDPX merupakan sebuah syarikat usaha sama di antara Syarikat Darussalam Assets dan institusi kewangan tempatan iaitu Bank Islam Brunei Darussalam, Baiduri Bank Berhad dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei bagi penubuhan sebuah Hab Pembayaran Digital yang akan mengendalikan sistem pembayaran yang pantas, *fast payment system*. Hab Pembayaran Digital menawarkan manfaat dan kelebihan yang meluas kepada pelbagai pihak berkepentingan. Bagi para pengguna, ianya membolehkan pemindahan dana dan transaksi pembayaran dengan mudah, pantas dan selamat. Bagi para peniaga, sistem tersebut boleh mengurangkan kos penerimaan pembayaran digital dan akan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan perniagaan.

Justeru, ini juga akan dapat memanfaatkan para peniaga terutama Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, PMKS untuk lebih sedia beroperasi secara digital melalui platform *e-Commerce* ataupun e-Dagang. Manfaat-manfaat tersebut dijangka akan dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi perniagaan dan seterusnya ekonomi secara keseluruhan. Hab tersebut dijangka akan dilancarkan Insya Allah pada bulan Mac 2025 ini.

Kerajaan juga sedang giat berusaha untuk mempromosikan peluang-peluang dalam sektor teknologi yang sedang pesat berkembang terutamanya teknologi baharu berlandaskan revolusi industri 4.0 dan *Artificial Intelligence, AI* sehingga suku pertama 2025, perbincangan sedang giat diadakan bersama 3 syarikat inovatif dari Amerika Syarikat dan Singapura yang berhasrat untuk meneroka pertubuhan pusat data berasaskan AI di Brunei Darussalam.

Pihak Kerajaan melalui BEDB dengan kerjasama dengan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Kesihatan, AITI dan UNN sedang merangka pelan tindakan bagi penggunaan AI yang berpotensi meningkatkan kecekapan operasi dan produktiviti di Negara Brunei Darussalam.

Manakala sebagai usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan infrastruktur perdagangan dan logistik negara iaitu dengan meningkatkan lagi operasi dan kemudahan di Pelabuhan Muara, satu

Pelan Induk Pelabuhan Muara telah disediakan oleh Syarikat Muara Port Company Sendirian Berhad, untuk merealisasikan pembangunan pelabuhan untuk memastikan rangkaian pengangkutan laut adalah cekap, boleh dipercayai dan dapat menarik peluang-peluang pelaburan asing baharu.

Salah satu rancangan di bawah pelan ini adalah untuk mengembangkan dan mengubahsuai pelabuhan di mana Insya Allah kedua-dua Terminal Kontena dan *Conventional* dirancang untuk diperbaiki dan diperluaskan. Projek Muara Port Expansion Plan telah dimulakan dengan satu Majlis Pecah Tanah yang telah diadakan pada bulan Ogos 2024 yang lalu dan projek ini dijangka akan siap pada tahun 2027, insya Allah.

Projek ini merangkumi beberapa komponen utama. Pertama, kapasiti Terminal Kontena akan dipertingkatkan daripada 220,000 TEU kepada 500,000 TEU setahun. Melalui pembinaan dermaga baharu sepanjang 250-meter untuk Terminal Kontena serta dermaga baharu sepanjang 88-meter untuk kapal-kapal servis. Peningkatan ini akan mengukuhkan keupayaan Pelabuhan Muara untuk menampung permintaan perdagangan yang semakin meningkat.

Kedua, projek ini juga melibatkan pembangunan *Port Trade Zone* seluas 3.62 hektar di dalam kawasan Terminal Kontena. Zon ini akan mempermudah aktiviti pengimportan, pengeluaran, pembungkusan semula dan pengeksportan.

Seterusnya menyokong pertumbuhan sektor perniagaan dan memperkukuhkan Pelabuhan Muara sebagai *enabler* utama dalam perdagangan dan logistik. Untuk meningkatkan keberkesanan dan kelancaran proses pelepasan kargo-kargo dan aliran barangan dalam meningkatkan aktiviti perdagangan serta memacu pertumbuhan ekonomi di rantau ini, beberapa usaha telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja antaranya:

Bekerjasama dengan Syarikat Muara Port Company melalui *Public-Private Partnerships, PPP* bagi pembekalan mesin pengimbas yang menggunakan AI yang berkemampuan untuk memaparkan maklumat deklarasi dan mengesan barang radiasi. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan pemeriksaan barang-barang yang dibawa masuk dan keluar melalui pelabuhan Muara.

Melalui *ASEAN Authorised Economic Operator Mutual Recognition Arrangement, AAMRA* yang telah ditandatangani pada bulan Mac 2023, Negara Brunei Darussalam merupakan antara 3 buah negara ASEAN pertama yang telah melancarkan, AAMRA secara *Go-Live* mulai 1 haribulan Ogos 2024 yang lalu. Langkah tersebut adalah untuk mempercepatkan pelepasan kargo-kargo dan aliran barangan di rantau ASEAN.

Memperkenalkan '*Customs.BN*' iaitu sebuah aplikasi mudah alih yang bertujuan untuk memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat prosedur import dan eksport dan untuk membuat

urusan kastam secara dalam talian seperti pengisytiharan barang dan pembayaran cukai. Perlaksanaannya telah dibuat secara berfasa mulai 2 September 2024 di semua cawangan dan pos-pos kawalan di Negara Brunei Darussalam.

Dan memperkenalkan '*e-Cargo Transit Declaration*', satu sistem dalam talian bagi *declaration* barangan rentas sempadan oleh syarikat-syarikat komersial di pos-pos kawalan darat. Kerajaan juga akan meneruskan usaha untuk memupuk hubungan yang lebih kukuh dengan rakan kongsi antarabangsa bagi meningkatkan akses kepada pasaran baharu. Peluang pelaburan dan teknologi terkini bagi membantu sektor-sektor industri tempatan. Syarikat-syarikat tempatan adalah diseru untuk merebut peluang-peluang daripada hasil kerjasama ekonomi tersebut dengan mengambil bahagian dalam rantai nilai serantau dan global, sekaligus meningkatkan daya saingnya dalam pasaran global.

Oleh itu, beberapa perkembangan terkini bagi perjanjian-perjanjian perdagangan bebas, antaranya Kerajaan meratifikasi *Protocol on the Accession of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland to the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership*, *CPTPP* dan ianya berkuatkuasa pada 15 haribulan Disember 2024.

Dengan adanya *United Kingdom* sebagai ahli *CPTPP* ini, ianya dijangka akan membuka lebih banyak peluang-peluang

perdagangan dan pelaburan di antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom. *CPTPP* akan membukakan akses pasaran kepada 600 juta orang penduduk dengan jumlah keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar, KDNK mencapai lebih kurang US\$13.5 trilion.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku agensi menerajui perundingan *CPTPP* dan perjanjian-perjanjian perdagangan yang sedia ada akan terus giat mengadakan sesi pemberitaan dan perjumpaan bersama dengan pihak-pihak berkepentingan terutamanya pihak swasta dan pengusaha tempatan dengan tujuan meningkatkan lagi pengetahuan mengenai faedah-faedah yang boleh dimanfaatkan melalui perjanjian-perjanjian ini. Pada 24 haribulan Julai 2024 lalu, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan satu sesi *Stakeholders Engagement* dengan kerjasama Hal Ehwal Global Kanada dan Jabatan Perniagaan dan Perdagangan United Kingdom. Sesi tersebut telah dihadiri kira-kira 100 peserta yang terdiri daripada sektor swasta dan agensi Kerajaan dan bertujuan untuk menyediakan platform bagi memberigakan dan mempromosikan kegunaan *CPTPP* berserta menyediakan peluang rangkaian atau *networking opportunity* bagi syarikat dan agensi yang hadir.

Bagi mempertingkatkan pentadbiran perkhidmatan percukaian dan seterusnya mempermudah persekitaran perniagaan di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah pun melaksanakan

beberapa inisiatif untuk permodenkan proses pemfailan dan penaksiran cukai termasuk menggubal dan membuat pindaan undang-undang.

Satu model tambahan telah diberikan di bawah *One Common Portal-System for Tax Administration and Revenue Services, OCP STARS* iaitu pemfailan *amended tax returns* mulai tahun taksiran 2025. Kemudahan ini disediakan secara online melalui OCP STARS bagi membolehkan pihak syarikat-syarikat membayar cukai korporat untuk menghadapi secara sukarela pemfailan *amended tax returns*.

Seterusnya, ke arah mendukung penghasilan produk dan perkhidmatan berkualiti dan bagi memastikan produk-produk keluaran negara diiktiraf, selamat dan mudah di terima oleh pasaran global, Majlis Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam telah pun diaktifkan mulai bulan Februari 2024. Peranan majlis ini adalah untuk menangani isu-isu berkaitan dasar, program dan aktiviti-aktiviti standard dan akreditasi.

Dengan pengaktifan semula majlis ini, peranan Pusat Standard Kebangsaan juga diperkembangkan kini dikenali sebagai Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam, PSABD. Penambahbaikan ini merangkumi bidang akreditasi mengambil kira kepentingan dalam memastikan sijil-sijil kualiti yang di keluarkan sepanjang proses *Global Value Chain* bagi perdagangan global memenuhi piawaan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, fokus Belanjawan yang ke-3 adalah pembangunan model insan yang dimanik dan berwawasan. Kerajaan akan terus memberi keutamaan dalam memperkukuhkan pembangunan model insan dalam meneruskan pelaburan dalam sistem pendidikan dan latihan yang inovatif di semua peringkat dengan menumpukan peningkatan kemahiran dan kebolehan pasaran anak-anak tempatan terutamanya golongan belia. Ini termasuk pelaburan dalam infrastruktur pendidikan serta penyelerasan usaha-usaha dengan keperluan industri, perkembangan ekonomi dan badan profesional ke arah memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan kemahiran dan pengalaman untuk menghadapi cabaran semasa dan masa depan.

Dengan tujuan untuk memberikan penganan pekerjaan kepada graduan Program Skim Perantisan Perkhidmatan Awam, SkiPPA telah diperkenalkan yang dilaksanakan oleh Pusat Pekerjaan Brunei, PPB dengan kerjasama Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, PPTM dan Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA.

Skim ini merupakan skim perantisan di dalam Perkhidmatan Awam yang akan memberikan pengalaman perantisan selama 12 bulan kepada para graduan lepasan ijazah sarjana muda dan ke atas yang belum atau mempunyai pengalaman kerja yang *minimal* dan seterusnya dapat memenuhi keperluan kritikal yang di kenal pasti oleh kementerian. Setakat ini, seramai 794

perantis sedang menjalankan program ini di kementerian dan jabatan kerajaan.

Selain itu, beberapa insiatif lain juga telah di kendalikan oleh Pusat Perkerjaan Brunei, PPB dan Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, PPTM bagi menyokong usaha untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehan pasaran tenaga kerja tempatan antaranya *Clinical Supervisory Programme* iaitu hasil kerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi graduan baharu dalam bidang *Allied Health Professionals*. Program tersebut dibawah struktur *Apprenticeship Programme* bertujuan membolehkan *Allied Health Professional* iaitu AHP yang mempunyai pendaftaran bersyarat untuk memenuhi kriteria dan mendapatkan status pendaftaran penuh dan seterusnya menjadi *AHP Practitioner*. Kohort pertama ini program ini telah bermula pada bulan Oktober 2024 dan disertai oleh 18 orang peserta.

Program Skim *Technical Vocational Education and Training, TVET* yang dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan kelulusan dan kemahiran anak-anak tempatan untuk menjadi lebih *employable* dan *marketable* serta mendukung insiatif bagi mengurangkan kadar pengangguran terutamanya dalam kalangan belia. Sebanyak tiga pengambilan sedang dilaksanakan dan dijalankan oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta di mana seramai 193 orang pelajar telah dianugerahkan biasiswa kerajaan.

Setakat ini, seramai 139 orang pelajar sedang menjalankan kursus manakala bagi pengambilan ke-3 yang bermula pada bulan Oktober 2024 telah disertai oleh seramai 51 orang pelajar telah disokong untuk menjalankan kursus-kursus di tawarkan di kedua institusi pengajian.

Melalui program *Study in Professional Institution, SPIN in Accountancy* yang telah mula di laksanakan pada tahun 2021 seramai 54 orang pada masa kini sedang menjalani program iaitu masing-masing untuk mendapatkan pensijilan *ACCA, Association of Certified Chartered Accountants, CAT, Certified Accounting Technician dan FIA, Foundation in Accountancy*.

Insya Allah, Pusat Pekerjaan Brunei dan PPTM akan terus giat melaksanakan program-program pembangunan tenaga kerja yang sedia ada serta memperkenalkan beberapa program baharu pada tahun 2025 seperti program perantisan baharu, Tech Inspire yang merupakan hasil kerjasama dengan *AITI* melalui *Manpower Industry Steering Working Group* di bawah sektor *ICT* dijangka akan di laksanakan pada suku pertama 2025 ini. Pelatih program ini akan menjalani latihan secara sepenuh masa selama 8 bulan iaitu 2 bulan bagi latihan pensijilan untuk kemahiran teknikal dan *soft skill* manakala 6 bulan menjalani *on the job training*. Bagi kohort pertama ini, seramai 30 orang anak tempatan dijangka untuk menjalani latihan bagi jawatan *IT technician dan network technician*.

Program *SkillsPlus* akan diteruskan pada tahun 2025 dengan diperkenalkan beberapa kursus-kursus baharu mengikut keperluan industri manakala pemberigaan terus akan diadakan secara berterusan melalui pelbagai platform *mini recruitment drive*, *employability workshop*, pesta kerjaya, *mukim connect* dan *PPB Open Day*.

Para pencari kerja akan dapat berpeluang untuk memahami lebih lanjut mengenai program-program yang ditawarkan oleh PPB, berinteraksi secara langsung dengan agensi-agensi yang ikut serta, meningkatkan pengetahuan mengenai persediaan menghadiri ujian, temuduga dan sebagainya bagi meningkatkan kebolehpasaran para pencari kerja.

Selain daripada itu, Syarikat Berkaitan Kerajaan, *GLC* turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh pembangunan modal insan dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Sejak penubuhan Syarikat *Darussalam Assets* Sendirian Berhad pada tahun 2012, terdapat peningkatan yang berterusan dalam jumlah tenaga kerja tempatan di bawah Kumpulan Syarikat *Darussalam Assets*. Setakat suku kedua Tahun Kewangan 2024/2025, jumlah kakitangan di bawah Kumpulan Syarikat *Darussalam Assets* telah pun mencecah 8,337 orang, di mana 86 peratus terdiri daripada anak-anak tempatan.

Di samping itu, penglibatan pekerja ekspatriat dalam Kumpulan Syarikat *Darussalam Assets* juga menyediakan peluang untuk pemindahan pengetahuan dan kepakaran industri kepada tenaga pekerja tempatan bagi memenuhi kepiawaian antarabangsa di mana kebanyakan jawatan-jawatan yang telah diisi oleh pekerja ekspatriat adalah bagi *specialised roles* seperti sektor perubatan, tenaga, dan pendidikan serta pekerja buruh, dengan matlamat untuk bakat tempatan mengambil alih jawatan-jawatan tersebut apabila bersedia.

Kerajaan juga akan terus bekerjasama dengan sektor-sektor industri di negara ini untuk membangunkan program-program atau latihan-latihan vokasional bagi memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan selaras dengan keperluan pasaran pekerjaan. Tumpuan kepada pendidikan dan pembangunan kemahiran ini dihasrat untuk mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan yang dapat menarik lebih banyak pelaburan langsung asing.

Ke arah itu, Syarikat *Hengyi Industries* telah menyediakan program biasiswa melalui kerjasama dengan *Zhejiang Hengyi Petrochemical Company Limited* dan *Lanzhou Petrochemical Polytechnic* di Republik Rakyat China bersama institusi pengajian tempatan seperti Universiti Brunei Darussalam, *Institute of Brunei Technical Education*, dan Politeknik Brunei.

Sehingga kini, seramai 941 pelajar telah menerima biasiswa atau mengikuti

program kerjasama dengan institusi-institusi pengajian tempatan berkenaan. Daripada jumlah ini, seramai 530 pelajar telah pun ditawarkan pekerjaan di Syarikat Hengyi, manakala selebihnya masih dalam pengajian dan akan menjalani latihan kerja sebelum diberi tawaran pekerjaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kaola mengambil kesempatan ini di sini untuk menyeru para belia di negara ini untuk merebut peluang meningkatkan kemahiran masing-masing melalui pelbagai *platform* yang telah disediakan oleh pihak kerajaan mahupun sektor swasta dan pelbagai agensi-agensi yang berkepentingan.

UTB juga telah memperkenalkan satu program baharu iaitu *Doctor of Business Administration* pada bulan Januari 2025. Program ini dihasratkan untuk memenuhi keperluan *action research* dalam dunia perniagaan sebenar melalui intervensi yang dapat digunapakai dan seterusnya dapat menyumbang kepada komuniti perniagaan dan pembangunan ekonomi negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035 bagi mempelbagaikan ekonomi, menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Bagi membangun modal insan yang berkemahiran tinggi serta memacu inovasi dan pembangunan negara dalam era *digital*, institusi-institusi pendidikan tinggi di negara ini telah memperkenalkan beberapa program dan inisiatif dalam memastikan kesiapsiagaan

tenaga kerja yang *future ready*, dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran dalam sains data di pelbagai sektor, antaranya:

Pertama, *Bachelor of Digital Science* di Universiti Brunei Darussalam;

Kedua, *Bachelor of Science, Hons in Computing* iaitu *Major in Software Development* atau *Major in Data Analytics* di Universiti Teknologi Brunei; dan

Ketiga, beberapa program Diploma di bawah Politeknik Brunei melalui *School of Information and Communication Technology* termasuk *Diploma in Data Analytics*.

Bagi mendukung hasrat negara untuk membangun satu sistem pendidikan kelas pertama dan memberikan pendidikan holistik bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, peruntukan sejumlah \$221.1 juta akan disediakan bagi Sektor Pendidikan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang pada Tahun Kewangan 2025/2026 iaitu termasuk:

Pertama, untuk meningkatkan taraf dan pencapaian pendidikan di negara, kerajaan akan terus menghulurkan biasiswa melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran dan pembangunan kapasiti serta latihan kemahiran pelajar-pelajar dengan menyediakan peluang untuk melanjutkan

pengajian tinggi di institusi terkemuka dunia;

Kedua, melaksanakan kerja-kerja penyelidikan di bawah Institusi Pengajian Tinggi Awam; dan

Ketiga, selain itu, peruntukan akan terus disediakan bagi mengendalikan Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan untuk meringankan beban para ibu bapa dan penjaga yang kurang berkemampuan untuk membeli keperluan persekolahan pelajar-pelajar.

Ke arah usaha dalam menyediakan tenaga kerja tempatan yang berdaya maju agar sejajar dengan keperluan bidang pekerjaan dan industri semasa dan juga masa hadapan, peruntukan sejumlah \$19.21 juta akan disediakan di bawah Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Perdana Menteri bagi mengendalikan program-program *SkiPPA*, *Skim TVET*, *Skillsplus*, *SPIN in Accountancy* dan *Tradeskills*.

Di samping peruntukan-peruntukan yang kaola kongsiikan sebentar tadi, kerajaan juga menyediakan peruntukan sejumlah \$27.5 juta di bawah Projek Fokus khusus untuk membiayai platform atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus belanjawan Negara Tahun Kewangan 2025/2026.

Demikianlah kaola kongsiikan mengenai perkembangan dan pencapaian-pencapaian negara serta keutamaan-keutamaan dan fokus belanjawan yang telah disediakan peruntukannya ke arah mendukung tema belanjawan bagi

Tahun Kewangan 2025/2026 iaitu "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" atau "*Building A Prosperous Future Together*".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Belanjawan yang dibentangkan tadi adalah dirangka untuk membentuk asas yang kukuh untuk membawa negara ke arah masa depan yang lebih cerah. Peruntukan yang disediakan ini mempunyai satu objektif yang besar iaitu untuk memastikan bahawa semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa menikmati kehidupan yang lebih baik.

Dalam pada itu, kerajaan akan terus melaksanakan pelaburan-pelaburan yang berupa strategik di dalam beberapa sektor utama untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dengan tumpuan ke atas sektor Bukan Minyak dan Gas dan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan serta meningkatkan daya saing negara di peringkat global.

Walau bagaimanapun, hasrat yang ingin dicapai melalui belanjawan ini bukan sahaja bergantung kepada satu pihak sahaja tetapi bergantung kepada usaha dan kerjasama padu daripada semua pihak baik dari pihak kerajaan mahupun pihak swasta dan orang awam. Setiap individu mempunyai peranan dalam membentuk hala tuju negara ini.

Oleh itu, marilah kita mempertingkatkan lagi usaha, bersatu hati, dan menanam sifat penuh harapan dalam sama-sama menjadi negara yang kita cintai ini

menjadi sebuah negara yang lebih cemerlang untuk generasi sekarang dan juga generasi akan datang. Masa depan bukan milik kita semata-mata, tetapi milik generasi yang akan datang. Usaha pembangunan yang kita laksanakan sekarang adalah satu warisan yang akan mereka nikmati.

Oleh itu, di sinilah kaola mengingatkan bahawa adalah sangat penting untuk generasi masa kini untuk memastikan bahawa negara yang kita tinggalkan kepada generasi yang akan datang adalah sebuah negara yang maju, aman makmur, kualiti kehidupan yang tinggi dengan ekonominya yang dinamik dan berdaya tahan seperti mana yang kita hasratkan di bawah Wawasan Brunei 2035.

Anak-anak dan belia masa kini akan menjadi pemimpin negara di masa depan dan kita berharap mereka akan hidup mengejar impian murni mereka tanpa rasa bimbang. Marilah kita terus berusaha untuk memastikan generasi yang akan datang mempunyai peluang seperti yang kita rasakan pada masa ini dan yang lebih baik di masa hadapan. Marilah kita menjadi contoh yang dapat dibanggakan dan menjadi inspirasi untuk masa depan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kaola mengakhiri pembentangan ini, marilah kita sama-sama berdoa agar negara kitani akan senantiasa maju, aman dan makmur di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa menjadi sebuah Negara Zikir yang penuh keberkatan di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Hasbunallahu Wa Nikmal Wakeel.
Aamiin Ya Rabbal Alamiin.

Kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan dari peruntukan "Kumpulanwang Yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu" sepanjang Tahun Kewangan 2025/2026.

Sekian Wabillahi taufik walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah kita telah pun mendengar kenyataan belanjawan yang telah dibentangkan yang mengandungi perancangan-perancangan dan hala tuju Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026.

Saya ingin mempersilakan sekarang seorang Ahli Yang Berhormat untuk menyokong Rang Undang-Undang ini.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menyokong sepenuhnya. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Rang Undang-Undang telah pun mendapat sokongan dari Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II. Silakan untuk urusan seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Usul Bilangan 2, Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mohon mencadangkan Usul di atas nama kaola dalam Susunan Urusan yang berbunyi: "Majlis ini mengikut Bab 4(2) Akta Kumpulanwang Kemajuan Penggal 136 membuat ketetapan, iaitu Perbelanjaan sebanyak \$480,000,000 untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tertentu dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2025/2026".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola ingin menyembahkan setinggi-tinggi Menjunjung Kasih di atas kurnia titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 1446 Hijrah, 2025 Masihi antara lainnya bagi memperkasakan usaha-usaha bagi mempelbagaikan ekonomi termasuk menggalakkan lebih banyak aktiviti ekonomi baharu seperti aktiviti pelancongan, pertanian, kesihatan, keselamatan, perkhidmatan awam dan industri-industri baharu yang akan juga memberikan kesan limpahan positif untuk peniaga-peniaga tempatan dan memacu lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Pada menjunjung titah-titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut dalam sama-sama menuju Wawasan Brunei 2035, kerajaan akan terus bekerjasama secara *Whole of Government* bagi memastikan projek-projek RKN akan berjalan dengan lancar dan sempurna mengikut garis masa yang telah ditetapkan ke arah mencapai kemajuan dan perbagaian ekonomi dengan penyediaan prasarana dan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan asas demi menyokong pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan industri-industri dan sektor ekonomi

baharu di samping untuk memperkasa sumber tenaga manusia dan bagi menjaga kesejahteraan dan kebajikan negara.

Seperti yang kaola sudah kongsi semasa Majlis Mesyuarat Negara Ke-20 bagi Tahun 1445 Hijrah, 2024 Masihi lepas, jumlah harga rancangan RKN12 secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun 2024 hingga 2029 adalah sebanyak BND4 bilion bagi 305 projek berpandukan kepada *Manpower Blueprint* dan *Economy Blueprint* selaras dengan matlamat-matlamat yang digariskan di dalam Wawasan Brunei 2035.

Penyediaan peruntukan ini adalah sebagai bukti dan menggambarkan dukungan kukuh kerajaan ke atas usaha-usaha dalam agenda pembangunan negara dan insya Allah akan memberikan impak positif kepada pembangunan negara dan dapat memupuk pertumbuhan ekonomi yang inklusif.

Alhamdulillah setakat 26 Februari 2025 sebanyak \$126,213,787 iaitu 25.24% daripada \$500 juta yang diperuntukkan pada Tahun Kewangan 2024/2025 telah dibelanjakan. Manakala 22 buah projek telah siap dilaksanakan dan sebanyak 65 projek dalam pelaksanaan, sementara itu sebanyak 172 projek masih dalam peringkat awal yang mana 48 daripadanya, iaitu 83 projek masih lagi dalam perancangan kementerian-kementerian yang empunya projek.

22 projek yang telah siap adalah bagi mendukung kluster-kluster tertentu seperti berikut bagi mengukuhkan

kemudahan akses pendidikan, pembinaan semula Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong dan menaiktaraf dewan serba guna, dapur asrama dan bilik guru-guru Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Pusat Tingkatan Enam bagi sekolah arab.

Bagi mengukuhkan perkembangan syi'ar Islam, dua buah masjid telah siap dibina iaitu pembinaan masjid baharu RPN Kampung Meragang dan masjid RPN Kampung Mengkubau. Meningkatkan penyediaan perumahan sebanyak 1,500-unit rumah di Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa 2 telah siap disediakan dan mula didiami oleh penerima.

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam, projek yang siap termasuk menaiktaraf Stadium Negara Hassanal Bolkiah Fasa 2 yang meningkatkan penggunaan fasiliti tersebut dan bangunan baharu Unit Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan yang telah meningkatkan keselamatan dan kondisi kehidupan penghuni.

Bagi mengukuhkan kelestarian alam sekitar, projek penghijauan semula ke atas kawasan hutan yang *degraded*, bagi memantapkan kecekapan sistem pengangkutan tiga projek telah siap dibangunkan iaitu menggantikan *Instrument Landing System* dan *Doppler VHM Omnidirectional Range and Distance Measuring Equipment*. Penggantian sistem *Airport Automatic Weather Observation System* dan

peningkatan peralatan pemeriksaan dan sistem pengawasan keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Bagi mengukuhkan keselamatan negara, pusat tahanan dan pemulihan keselamatan negara bagi mengukuhkan sekuriti makanan, membina skim pengairan tambahan bagi kawasan penanaman padi di seluruh daerah. Bagi memajukan industri pelancongan, *slope protection* dan menaiktaraf jalan raya di Kem Batang Duri Temburong, *Outboard Bound* Brunei Darussalam. Bagi pembangunan industri program peningkatan keluaran tanaman hiasan dan bunga-bunga bagi menjana pasaran eksport.

Bagi menangani risiko bencana alam, projek kawalan pesisir sepanjang pantai Kampung Danau telah siap bagi mengurangkan hakisan pantai kepada lot tanah dan rumah-rumah persendirian serta aset-aset kerajaan. Bagi mengukuhkan *infrastructure ICT*, pusat data kerajaan dan *Infrastructure Cloud* telah siap bagi menampung keperluan aplikasi dan perkhidmatan dalam talian kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Bagi menaik taraf dan meningkatkan kadar penyumbangan sistem pembedungan dan menjaga kualiti air sungai-sungai, beberapa buah projek skim pembedungan telah siap di Kampung Menglait, Kampung Batu Bersurat dan Pengkalan Gadong bagi meluaskan sistem pembedungan

berpusat di kawasan bandar termasuk komersial dan sekitarnya.

Di Kampung Lumut, bagi mengurangkan bilangan insiden kesumbatan paip dan *back flowing* daripada sistem pembedungan dan menaiktaraf sistem pembedungan di kawasan perbandaran Kuala Belait dan Seria. Elektrik, mengukuhkan sistem rangkaian pembahagian 11KB di kawasan diplomatik Jalan Kebangsaan dan satu projek di bawah tanggungan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perbelanjaan tahun pertama lazimnya masih di tahap rendah. Antaranya memandangkan kementerian-kementerian empunya projek akan terlebih dahulu memastikan strategi pelaksanaan projek adalah teratur dan sempurna menurut peraturan-peraturan kerajaan yang berkuatkuasa pada masa ini dan akan mendatangkan nilai tambah, mencapai keberhasilan yang telah dirancang dengan perbelanjaan yang berhemah dan secara optima.

Oleh yang demikian, dengan peruntukan pada Tahun Kewangan 2025/2026 yang telah disediakan dihasratkan akan dapat mempercepatkan dan memacu pelaksanaan projek-projek RKN.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Fokus-fokus utama menyediakan peruntukan RKN 12 antaranya adalah seperti berikut:

Pertama, bagi mendukung kestabilan sosio-ekonomi negara;

Kedua, bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terjaga;

Ketiga, bagi meningkatkan kemahiran serta mencipta peluang-peluang pekerjaan atau aktiviti ekonomi baharu dan 4) bagi meningkatkan pembangunan teknologi digital untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan.

Peruntukan sejumlah \$480 juta ini telah pun dicadangkan dan dipersetujui bersama dengan semua kementerian semasa Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Negara. Penyediaan peruntukan ini jua telah dikategorikan mengikut kluster yang lebih jelas dan lebih objektif di mana peruntukan adalah berasaskan kepada hala tuju dan pencapaian yang ingin diraih dalam setiap kluster yang telah ditetapkan yang menjurus kepada mendukung 3 fokus keutamaan Belanjawan Tahun Kewangan 2025/2026 seperti berikut:

Pertama, meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti awam sejumlah \$307 juta telah diperuntukan bagi kluster-kluster berikut. Mengukuhkan keselamatan negara, meningkatkan persediaan perumahan. Antara projek perumahan yang sedang dalam pelaksanaan ialah Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu Fasa 7, Perumahan Negara Kampung Rimba dan Perumahan Negara Kampung Salambigar.

Dengan penyediaan tempat kediaman yang mampu dimilik ini, ianya akan meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kualiti hidup yang lebih baik. Memantapkan kecekapan sistem pengangkutan antara projek yang disediakan peruntukan adalah menyediakan fasiliti *infrastructure* dan sistem pengangkutan awam. Sementara projek yang sedang dalam pelaksanaan adalah membaik pulih landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Fasa 2 dan *Primary Surveillance Radar*.

Dengan adanya penyediaan peruntukan bagi kluster ini akan memudahkan pergerakan awam dan juga operasi logistik perusahaan dari pelbagai sektor ekonomi. Mengukuhkan sekuriti makanan antara projek sedang dalam pelaksanaan ialah program peningkatan keluaran sayur menggunakan teknologi tinggi bagi menjana Keluaran Dalam Negara Kasar, KDNK. Rancangan pembangunan industri ternakan bagi menjana pengeluaran Industri Ternakan Udang Fasa 4, memajukan dan membuka tapak-tapak bagi industri *aquaculture*.

Mengukuhkan *infrastructure ICT* antara projek yang sedang dilaksanakan ialah *MOD Integrated Platform*, Sistem Bruhims 2.0 yang akan meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam dan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai. Meningkatkan kualiti perkhidmatan awam antara projek yang disediakan peruntukan adalah bagi pembinaan bangunan kerajaan yang mesra untuk orang yang berkeperluan

khas. Selain itu, fasiliti-fasiliti sukan jua disediakan peruntukan antaranya untuk menaiktaraf fasiliti di Kompleks Stadium Negara Hasanal Bolkiah dan Kompleks Sukan Mumong, Kuala Belait.

Menangani perubahan iklim, termasuk untuk membiayai projek-projek bangunan hijau. Mengukuhkan perkembangan syi'ar Islam antara projek-projek yang sedang dilaksanakan adalah pembinaan masjid baharu RPN Kampung Rimba, masjid baharu RPN Kampung Lumut dan masjid baharu RPN Kampung Lugu. Projek-projek ini akan dapat memberikan keselesaan beribadah dan meningkatkan aktiviti-aktiviti keagamaan kepada rakyat dan penduduk yang tinggal di kawasan tersebut.

Menyediakan prasarana untuk kesihatan yang baik yang bertujuan untuk meningkatkan akses orang awam kepada kemudahan kesihatan. Mengukuhkan kelestarian alam sekitar, menangani risiko menghadapi bencana-bencana alam antara projek yang sedang dilaksanakan adalah pembinaan Kolam Takungan dalam Tadahan Sungai Tutong dan menaik taraf sungai utama dan anak-anak sungai bagi mengurangkan kejadian banjir. Menaik taraf dan meningkatkan kadar penyumbangan sistem pembentungan dan menjaga kualiti air sungai-sungai.

Kajian sains, teknologi dan inovasi dan penyediaan pelan induk seperti Pelan Induk Sanitasi dan Pembentungan bagi Negara Brunei Darussalam, Pelan Daerah Brunei dan Muara.

Kedua, memupuk kepelbagaian ekonomi yang mampan sejumlah BND131 juta telah diperuntukkan bagi kluster-kluster berikut:

Menyediakan pembekalan air bersih, antara projek yang dalam pelaksanaan ialah mengganti paip-paip utama yang lama bagi semua daerah;

Membina stesen pengepam air mentah baru Badas dan memasang paip air mentah dari Badas ke kawasan SPARK;

Menaik taraf Loji Rawatan Agis-Agis, Daerah Belait;

Meningkatkan taraf loji-loji rawatan air, pembinaan Loji Rawatan Air Bukit Barun peringkat 8. Dengan kemudahan akses kepada bekalan air ini, akan menyokong keperluan industri dan tapak-tapak pertanian termasuk ketersediaan infrastruktur asas air bagi menarik peluang pelaburan ke Negara Brunei Darussalam;

Meningkatkan pengukuhan bekalan elektrik. Dengan pengukuhan bekalan elektrik ini akan dapat menyediakan keperluan elektrik kepada industri-industri yang akan bermula beroperasi di negara ini;

Kemudahan awam untuk urusan melalui jalan darat seperti menaik taraf jalan raya, jejantas dan jejambat yang menghubungkan tapak-tapak perindustrian seperti pembinaan jejambat di persimpangan Lebuhraya Muara-Tutong di kawasan perindustrian Tanjung Kajar; dan

Memajukan industri pelancongan antara projek yang diberikan peruntukan

adalah pengukuhan produk-produk pelancongan, menaik taraf Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong, menaik taraf bangunan Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer, menubuhkan perpustakaan negara dan galeri kebangsaan di Dewan Majlis dan penambahan bangunan di Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Dengan adanya projek-projek ini, dijangkakan akan dapat mempelbagaikan tempat tarikan pelancongan di negara ini dan seterusnya meningkatkan impak *spillover* kepada aktiviti-aktiviti perekonomian yang lain.

Pembangunan industri antara projek yang sedang dilaksanakan adalah Pulau Muara Besar dan pembinaan stesen pemeriksaan dan kawalan pengeluaran hutan bagi peningkatan produktiviti industri perikanan. Manakala, industri kreatif juga disediakan peruntukan bagi menyokong *creative cultural industry hub* dan *community library* bagi mengukuhkan infrastruktur kebudayaan dan kesenian negara.

Dengan pembangunan projek-projek ini, diharap akan dapat menjana peluang pekerjaan dan menggalakkan budaya membaca di kalangan rakyat. Mengukuhkan pusat-pusat jaminan kualiti dan akreditasi projek di bawah kluster ini ialah Program Perkembangan Genetik dan Pembiakan Selektif Ikan bagi meningkatkan produktiviti industri akuakultur bagi memperkembangkan sektor eksport negara.

Ketiga, pembangunan modal insan yang dinamik dan berwawasan. Sejumlah BND31 juta telah diperuntukkan bagi kluster-kluster berikut:

Mengukuhkan kemudahan akses pendidikan. Antara projek yang sedang dalam pelaksanaan ialah *UTB Phase 4, School of Applied Sciences and Mathematics* dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, UNISSA yang mana akan dapat meningkatkan kapasiti pengambilan penuntut ke universiti-universiti tersebut dan memberikan suasana pelajaran yang lebih selesa dan kondusif;

Memantapkan pembangunan sumber manusia iaitu kerja-kerja pembinaan semula bangunan koperasi di Jalan Perindustrian Beribi, yang dalam penyediaan reka bentuk untuk bangunan kekal Pusat Pekerjaan Brunei ataupun *JobCentre*.

Dalam pada itu juga, sebagai persediaan menghadapi cabaran global perubahan iklim, Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan komitmennya untuk melaksanakan pembangunan yang lestari. Harga rancangan bagi Projek Bangunan Hijau disediakan sejumlah BND51.6 juta, antaranya bagi membiayai Projek Pemasangan Panel Solar *Photovoltaics* di 38 buah bumbung bangunan kerajaan yang masih dalam pelaksanaan kerja-kerja awal menetapkan strategi pelaksanaannya. Inisiatif ini mencerminkan kesungguhan negara untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dan komitmen terhadap Matlamat Pembangunan Mampan, *Sustainable Development Goal 11, Sustainable Cities and Communities*

dan Goal 13 Climate Action dan Perjanjian Paris.

Projek Bangunan Hijau ini bukan sahaja dihasrat untuk membantu mengurangkan pelepasan karbon malah juga menjana penjimatan tenaga dan membuka peluang ekonomi baharu. Sektor Swasta dijangka memainkan peranan penting melalui pembekalan bahan binaan mesra alam, pelaksanaan teknologi hijau dan penglibatan dalam projek pembinaan mampan. Ini secara langsung membuka ruang kepada lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor hijau sekaligus melonjakkan ekonomi negara ke arah kemampanan.

Dalam hubungan ini, satu pasukan projek *project team* telah ditubuhkan yang bertanggungjawab dalam memantau projek-projek berkonsep hijau dan mengawal kos projek dengan lebih efektif, mengoptimalkan perbelanjaan negara bagi memastikan sumber dimanfaatkan sepenuhnya serta sejajar dengan matlamat kelestarian di peringkat kebangsaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Melangkah ke tahun kedua Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, RKN12 ini, insya Allah, tindakan-tindakan secara pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* akan dipertingkatkan termasuk pensejajaran dan koordinasi di antara kementerian-kementerian bagi memastikan pelaksanaan projek-projek RKN berjalan lancar dengan sempurna bagi mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebelum kaola mengakhiri mukadimah dalam pembentangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara yang Ke-12, bagi Tahun Kewangan 2025/2026, kaola sukacita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut kedatangan bulan Ramadan, semoga amal ibadah kita di bulan yang penuh berkat ini diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala juga.

Sekian, Wabbilahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakah seorang Ahli yang ingin untuk menyokong Usul ini?

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan itu. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Behormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Usul ketetapan Kumpulanwang Kemajuan telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Untuk memberikan peluang bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat semuanya untuk mengkaji dan membuat persediaan bagi membahaskan Rang Undang-Undang

(2025) Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Wang Kemajuan, maka saya ingin menangguhkan persidangan ini.

Dengan demikian, persidangan Dewan adalah ditangguhkan sehingga hari Selasa, 4 Mac 2025 seperti biasa mulai dari jam 9.30 pagi.

Saya juga di kesempatan ini ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan yang hadir. Semoga pada bulan Ramadan yang mubarak ini akan membawa keberkatan kepada kita semua dan kita akan dapat menjalankan urusan-urusan kita dengan sempurna dan teratur.

Sekian, Wabbilahi taufik walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)